

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 11 JULAI 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON HAI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 11 JULAI 2019 KHAMIS

SOALAN

Tuan Wong Hon Hai [Bukit Bendera] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status diplomatik semasa dengan Timor Leste dan adakah Malaysia akan menyokong kemasukan Timor-Leste sebagai negara ASEAN ke-11.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia adalah antara beberapa negara yang paling awal mengiktiraf dan menubuhkan hubungan diplomatik dengan Demokratik Republik Timor-Leste setelah ia mencapai kemerdekaannya daripada Republik Indonesia pada 20 Mei 2002. YAB Tun Dr Mahathir Mohamad juga adalah antara pemimpin dunia yang pertama melawat Demokratik Republik Timor-Leste iaitu pada 22 hingga 23 Oktober 2003. Malaysia juga telah membuka pejabat Kedutaannya di Dili pada 13 April 2001 dan Demokratik Republik Timor-Leste pula membuka pejabat Kedutaannya di Kuala Lumpur pada 7 Ogos 2002.

3. Hubungan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Demokratik Republik Timor-Leste merangkumi pelbagai bidang termasuklah ekonomi, keselamatan, kesihatan dan pembangunan sumber manusia.

Timor-Leste juga merupakan antara negara penerima tawaran kursus teknikal kepada kakitangan awamnya melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Bagi tahun 2018, seramai 12 orang kakitangan awam dari Timor-Leste telah mengikuti 9 kursus yang disediakan meliputi pelbagai bidang teknikal.

4. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada keakraban yang sedia terjalin ini, Malaysia menyokong kemasukan Timor-Leste sebagai Anggota Baru ASEAN memandangkan ia terletak di dalam rantau geografi Asia Tenggara. Ini adalah selaras dengan Perkara 6 dalam Perlembagaan ASEAN (*ASEAN Charter*) mengenai Penerimaan Anggota Baru ASEAN. Ini juga selaras dengan prinsip ASEAN terutamanya Malaysia yang berpegang kepada konsep dan prinsip "*Prosper thy neighbour*" (memakmurkan jiran).

5. Sebagai tambahan, saya sendiri telah berpeluang untuk menyampaikan sokongan Malaysia kepada Timor-Leste secara terus sewaktu lawatan TYT Dr Dionisio da Costa Babo Soares, Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Timor-Leste ke Malaysia pada 1 hingga 2 Julai 2019 lalu. Saya telah memaklumkan bahawa Malaysia sentiasa konsisten dengan pendiriannya dalam menyokong Timor-Leste untuk menyertai ASEAN sejak permohonan mereka pada 8 tahun yang lalu. TYT Soares menyatakan penghargaan terhadap sokongan Malaysia dan memaklumkan bahawa kemajuan bagi memenuhi syarat-syarat penyertaan sebagai negara ASEAN telah dan sedang dilaksanakan dengan lebih pesat.

6. Dari sudut dua hala pula, perjumpaan dengan TYT Soares juga telah membuka peluang-peluang di sektor ekonomi, pembinaan, kesihatan dan "air-services" untuk kedua-dua buah negara. Beliau mempelawa lebih ramai pelabur Malaysia masuk ke Timor-Leste untuk meneroka peluang dalam membantu negara tersebut dalam sektor pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha berterusan Kementerian dalam mengekan sebarang bentuk logistik sampah dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membendung syarikat-syarikat tempatan membawa masuk dan memproses sisa plastik kotor yang boleh menjejaskan alam sekitar dan melakukan kesalahan perisytiharan palsu (false declaration) dagangan adalah seperti berikut:

- (i) Mengenakan 18 syarat yang lebih ketat bagi pengimportan skrap plastik HS Code 39.15;
- (ii) Mengadakan operasi bersepadu secara berterusan bagi menetapkan kawalan di pintu masuk di Pelabuhan

Persekutuan bersama-sama dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Pihak Berkuasa Pelabuhan (PBP);

- (iii) Meneliti isu-isu berkaitan perundangan, peraturan, penguatkuasaan serta kawalan dan hanya skrap plastik daripada sumber industri sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik Import yang dipengerusikan bersama oleh KPKT dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); dan
- (iv) Mengguna pakai prosedur *Prior Informed Consent* (PIC) di bawah Perjanjian Ratifikasi Basel Convention bermula pada tahun 2021 di mana *Competent Authority* (CA) perlu dimaklumkan oleh pihak berkuasa negara asal skrap plastik mengenai pergerakan skrap plastik kotor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

**DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
MOHD DUN [BEAUFORT]** minta **MENTERI KESIHATAN**
menyatakan sejauh manakah perkembangan program PeKa B40 dan
setakat ini berapakah bilangan yang mendapat manfaat daripada
program ini khususnya di negeri Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh Negara sebagai fasa ujian operasi bermula 15 April 2019. PeKa B40 memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat pakej manfaat yang ditawarkan adalah;

1. Saringan Kesihatan;
2. Bantuan Alat Perubatan;
3. Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
4. Insentif Tambang Pengangkutan.

Skim ini dilaksanakan dengan kerjasama klinik perubatan umum swasta yang berminat dan enam (6) makmal swasta berangkaian yang dikontrak. Sehingga 10 Julai 2019, terdapat sebanyak 1,172 klinik

perubatan umum swasta yang telah berdaftar sebagai Klinik PeKa B40. Seramai 27,610 penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan mereka yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas telah pun menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Penerima yang telah berbuat demikian juga telah mula menikmati Manfaat 2, 3 dan 4 seterusnya. Sebanyak RM 1, 362,392.00 telah pun digunakan dalam pembayaran manfaat-manfaat ini sehingga tarikh 30 Jun 2019.

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, di negeri Sabah jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun dan ke atas adalah seramai 293,763 orang. Bagi projek perintis ini, dengan peruntukan RM100 juta untuk seluruh Negara, maka adalah dianggarkan sekitar 59,613 orang rakyat negeri Sabah berpeluang menjadi penerima manfaat PeKa B40 berdasarkan konsep '*first come, first serve*' (dengan izin). Sehingga 10 Julai 2019, seramai 2,325 orang penerima manfaat telah menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Ini menjadikan Sabah negeri kelima tertinggi mengecapi saringan kesihatan, selepas Sarawak, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Adalah diharapkan agar lebih ramai rakyat kumpulan B40 yang layak, mengambil peluang menjalani saringan kesihatan untuk menikmati kesemua manfaat yang ditawarkan melalui skim ini. Buat masa ini, KKM sedang mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan publisiti sama ada di media cetak, elektronik dan media sosial. Sesi penerangan secara bersemuka juga diadakan untuk menggalakkan kumpulan sasaran tersebut menyemak kelayakan dan seterusnya pergi menjalani saringan kesihatan di klinik PeKa B40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa nilai bersih hasil penjualan kapal Equinamity dan ke manakah wang tersebut akan disalurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kapal Equanimity telah dijual kepada pembida tertinggi iaitu Genting Malaysia Bhd dengan harga USD126 juta (kira-kira RM527.4 juta). Hasil jualan tersebut telah diterima sepenuhnya pada 23 April 2019 dan kini disimpan di dalam Sheriff's Stakeholder Account (dalam sebuah syarikat guaman terkemuka di Malaysia) untuk tempoh tiga bulan bagi tujuan penyesuaian dengan tuntutan perbelanjaan penyelenggaraan kapal yang akan ditentukan melalui Perintah Mahkamah.

Baki hasil jualan setelah ditolak jumlah perbelanjaan yang terlibat dijangka akan didepositkan ke dalam Recovery Account milik 1Malaysia Development Bhd atau Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2019.

Hasil jualan Kapal Equanimity ini akan digunakan untuk melunaskan komitmen hutang 1MDB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang telah dilulus, sedang dibina dan telah siap serta jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan di Sarawak setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, jumlah projek perumahan PR1MA di negeri Sarawak yang telah diluluskan Anggota Perbadanan setakat Jun 2019 ialah 4,588 unit manakala jumlah unit kediaman PR1MA di negeri Sarawak yang telah dijual pula ialah 621 unit. Status projek perumahan PR1MA di negeri Sarawak setakat 15 Jun 2019 adalah seperti berikut:

Status	Jumlah
Siap Dibina	912
Dalam Pembinaan	1,878
Dalam perancangan	1,798
Jumlah yang diluluskan	4,588

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 6

Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pelaksanaan duti eksais ke atas minuman bergula iaitu sebanyak 40 sen seliter berkuatkuasa 1 Julai 2019 tidak akan mengakibatkan kenaikan harga barang ke atas produk yang dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenaan duti eksais ke atas produk minuman bergula merupakan salah satu strategi yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah *National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III* (2016-2025) dengan tujuan untuk menangani isu peningkatan kos rawatan penyakit obesiti, diabetes dan penyakit-penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Disease* [NCDs]) yang dikaitkan dengan pemakanan. Selaras dengan strategi tersebut, Kerajaan melaksanakan pengenaan duti eksais ke atas **produk minuman bergula dalam bentuk pembungkusan sedia diminum** berkuatkuasa mulai 1 Julai 2019.

Duti eksais akan dikenakan di peringkat pengilangan tempatan dan semasa produk diimport ke atas minuman bergula dalam bentuk pembungkusan sedia diminum yang jatuh di bawah kepala kod tarif 20.09 dan 22.02 dan mengandungi kandungan gula (*total sugars*) melebihi dari nilai ambang (*threshold*) yang ditetapkan.

Minuman sedia diminum bermaksud minuman tersebut sedia untuk diminum tanpa melalui proses seterusnya seperti pembancuhan, pemanasan dan sebagainya tanpa mengambilkira bentuk pembungkusannya. Minuman seperti teh tarik yang dibancuh di kedai atau restoran bukan minuman sedia diminum dan ia tidak akan dikenakan duti eksais.

Cukai ke atas minuman bergula telah dilaksanakan oleh 28 buah negara lain di dunia. Sebagai contoh, negara lain di rantau Asia juga sudah mula mengambil langkah mengenakan cukai terhadap minuman bergula seperti negara Brunei yang bermula pada April 2017. Selain itu, negara seperti Hungary, Perancis, Mexico, United Kingdom dan beberapa negeri di Amerika Syarikat telah mengenakan cukai terhadap minuman bergula.

NO SOALAN : 6

Pengenaan duti eksais pada kadar 40 sen per liter ini dijangka akan memberi kesan kenaikan harga jualan yang minimum bagi produk minuman bergula yang terlibat. Contohnya kenaikan harga sekurang-kurangnya 10 sen bagi minuman sedia diminum dalam bentuk pembungkusan bersaiz 250ml, sekurang-kurangnya 20 sen bagi minuman bersaiz 500ml dan sekurang-kurangnya 40 sen bagi minuman bersaiz 1 liter.

Dengan kenaikan harga jualan, Kerajaan berharap ia akan dapat mengurangkan permintaan minuman bergula tinggi di pasaran, seterusnya mengubah trend pengambilan minuman ke arah pilihan yang lebih sihat, iaitu kurang kandungan gula. Di samping itu, langkah pengenaan duti eksais ini secara tidak langsung akan turut menggalakkan industri untuk menghasilkan lebih banyak produk minuman yang mengandungi kadar gula lebih sihat, sekaligus membantu mengurangkan prevalen obesiti dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan di kalangan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 7

DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan isu penggunaan daun ketum di kalangan rakyat Malaysia dan sejauh mana pengalaman Kementerian dalam menguruskan isu pesakit-pesakit yang berkaitan penggunaan bahan-bahan dari daun ketum.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Alkaloid *mitragynine* yang didapati di dalam daun ketum (kratom) adalah dikawal sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 [Akta 366] semenjak tahun 2003 dan terdapat kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989.

Daun ketum telah lama digunakan khususnya oleh penduduk di sekitar utara Semenanjung Malaysia sebagai rawatan tradisional untuk beberapa masalah seperti rawatan untuk demam (antipyretic), cirit-birit (anti-diarrhoeal), sebagai ubat cacing (anti-helminthic) tanpa sebarang kesan sampingan yang teruk (*major adverse reaction*) ataupun kematian dilaporkan .

Walau bagaimanapun, semenjak kebelakangan ini, terdapat banyak penyalahgunaan penggunaan ketum di dalam kalangan masyarakat yang menyebabkan masalah kebergantungan atau ketagihan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ada menerima pesakit-pesakit yang hadir di klinik kesihatan akibat daripada pengambilan substans/dadah. Dalam kebanyakan kes, pengambilan ketum selalunya beserta dengan substans jenis lain seperti minuman beralkohol, opioid atau jenis amphetamine/ metamfetamin atau disebut sebagai polydrug user. Kes-kes yang mengalami kebergantungan kepada ketum atau dengan substans yang lain dirawat secara simptomatik dengan ubat-ubatan sedia ada.

Yang di-Pertua,

Memandangkan penggunaan daun ketum masih belum dapat dibendung sepenuhnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses meminda Akta 366 bagi merangkumi kawalan ke atas tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Pindaan ini akan memperuntukkan larangan ke atas aktiviti perladangan, penanaman, pengimportan, pengeksportan, pembekalan, penjualan dan pemilikan tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Cadangan kawalan ini diharap dapat membendung masalah penggunaan ketum yang mempunyai banyak kesan negatif kepada masyarakat dan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini persediaan pihak Kementerian bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020, dan berapakah anggaran hasil yang akan diperoleh negara melalui sektor pelancongan pada tahun 2020.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan lisan nombor 24 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu pada hari ini serta pertanyaan Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Mersing pada 17 Julai 2019 yang menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan perancangan dan persediaan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia telahpun mengadakan perancangan dan pelaksanaan awal mengenai pelan promosi Kempen *Visit Malaysia 2020* sejak dari tahun 2018 bagi memastikan sasaran seramai 30 juta orang pelancong dan RM100 billion jumlah pendapatan yang telah ditetapkan dapat dicapai.

NO. SOALAN: 8 JAWAB BERSEKALI NO : 24

Ketika ini, MOTAC berada di peringkat akhir untuk memuktamadkan logo, lagu rasmi dan video tema bersempena VM2020. Pelancaran logo VM2020 tersebut akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Julai 2019 di Putrajaya. Selain itu, Kementerian juga sedang membina laman *microsite* VM2020 yang bersifat interaktif, *user friendly* dan dapat digunakan bagi menyampaikan maklumat mengenai Kempen VM2020 secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua,

MOTAC telah mengenalpasti 6 Teras Utama yang dijadikan panduan bagi mengadakan promosi untuk menjayakan pelaksanaan Kempen VM2020 seperti berikut:

1. **Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat terkini ke arah *digitalization* sebagai medium promosi/pengiklanan/publisiti melalui program berbentuk taktikal dan juga *thematic*.** Promosi dan pemasaran juga akan dijalankan secara *media hype* dan platform media sosial (*youtubers, Key opinion leaders, bloggers*) dengan membangunkan kandungan kreatif (*creative content*) mengikut kesesuaian sasaran pasaran (*targeted market*) kerana setiap pasaran mempunyai permintaan yang unik dan tersendiri. Penggunaan webinar juga akan diambil kira beserta *online training* kepada agensi-agensi pelancongan. Selain dari itu, penyediaan brosur secara online di samping meningkatkan imej-imej galeri yang berkualiti tinggi akan diambil kira sebagai salah satu cara ke arah *digitalization*. Penggunaan *Augmented Reality* bagi memperkasakan lagi aktiviti promosi Tourism Malaysia akan turut digunakan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia;
2. **Mempergiatkan penyertaan pada acara/program utama di luar negara seperti ITB di Berlin, WTM di London dan program-program di peringkat Domestik seperti MATTA Fair, MITA Fair dan lain-lain.** Kementerian juga akan mengambil peluang melalui penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa seperti *APEC Economic Leaders' Meeting* dan *World Congress on Information Technology* pada tahun 2020;

3. **Mempelbagaikan produk (*product diversification*) melalui kerjasama-pintar (*smart partnership*) dengan rakan kerjasama seperti MAHB, Syarikat Penerbangan Tempatan dan Antarabangsa, Agensi Pelancongan termasuk OTA (*online travel platform*), pihak swasta dan Kerajaan Negeri ke arah usaha meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia dan pergerakan pelancong domestik;**
4. **Memaksimumkan kempen promosi dan pengiklanan bersepadu (*integrated marketing campaigns*) melalui kerjasama dengan MATRADE, MIDA, FAMA, MHTC, MITI, MOE dan lain-lain entiti untuk membawa satu mesej nasional yang bersepadu di dalam program promosi/pengiklanan yang dilaksanakan oleh setiap Kementerian/Agensi;**
5. **Meningkatkan inisiatif baru melalui Program *Joint International Tourism Development Programme* (JITDP) di mana sasaran pasaran utama bagi program ini adalah China, India, Jepun, Korea, Australia, Eropah, Amerika dan pasaran ASEAN. Melalui inisiatif ini, jumlah sumbangan Tourism Malaysia bagi menjalankan setiap program akan berkurangan dari 50% kepada 25% manakala 25% akan dibiayai oleh MAHB. Selebihnya iaitu 50% akan dibiayai oleh rakan-rakan kerjasama yang lain; dan**
6. **Mempromosikan Malaysia sebagai lokasi perfileman bagi pasaran antarabangsa melalui kerjasama dengan FINAS, FDAM, PFM, pihak swasta dan Kerajaan Negeri di dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan untuk filem, dokumentari, program realiti dan lain-lain.**

Selain usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini untuk menjayakan misi nasional Kempen VM2020 di dalam negara, MOTAC juga melaksanakan *Familiarization trip* atau *Famtrip* bersama para media, *bloggers* dan *influencers* antarabangsa serta agensi pelancongan dari luar negara untuk sasaran pasaran

antarabangsa seperti Austria, Jerman, Emiriah Arab Bersatu (UAE), India dan Indonesia. Program ini merupakan kerjasama strategik di antara TM bersama para pengamal media konvensional dan media sosial serta agensi pelancongan bertujuan untuk membangunkan pakej serta mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan Malaysia ke seluruh dunia. Antara pakej-pakej pelancongan yang dibangunkan sempena VM2020 bagi mempelbagaikan pakej-pakej sedia ada adalah seperti Pakej *Geopark, Food Trail, Heritage & Mural Art Trail* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bintulu, beberapa rancangan telahpun diatur bagi memastikan kempen ini dapat berjalan dengan lancar dan sekaligus dapat menggalakkan dan meningkatkan kedatangan pelancong asing ke Malaysia dan sekaligus ke negeri Sarawak. Antara aktiviti yang telah dirancang adalah:

1. Beberapa siri *engagement* bersama pemain-pemain industri dan juga kerajaan negeri sedang giat diatur bagi mewujudkan *smartpartnership* dan sama-sama memperhebatkan kempen VM2020. Ini bagi memastikan setiap negeri dapat mengadakan program-program bersempena VM2020. MOTAC juga memohon setiap kerajaan negeri memaklumkan *signature event* bagi kempen VM2020. Ini bagi memastikan *signature event* dapat dimasukkan di dalam Kalendar acara VM2020;
2. Mengadakan Majlis *Welcome Reception* di pintu-pintu masuk utama negara pada 1 Januari 2020. Majlis ini diadakan bagi menyambut kedatangan pelancong pada hari pertama Kempen VM2020;
3. Selain itu, TM melalui Pejabat Penyelaras TIC di Sarawak akan bekerjasama dengan Tour Operator dan Hotel-Hotel di Sarawak untuk membangunkan pakej-pakej menarik berdasarkan acara-acara yang akan dianjurkan di seluruh negeri Sarawak serta

NO. SOALAN: 8 JAWAB BERSEKALI NO : 24

membangunkan pakej-pakej berdasarkan produk-produk sedia ada di Sarawak;

4. Bersama pihak hotel, TM juga akan bekerjasama di dalam menggalakkan hotel-hotel untuk membangunkan pakej-pakej terutamanya berkaitan dengan program latihan atau kursus-kursus yang menarik. Pakej-pakej ini adalah untuk sasaran kepada pasaran domestik dalam menarik kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta untuk melaksanakan latihan dan kursus kakitangan mereka di Sarawak; dan
5. Pada tahun 2020 pula, Pejabat Penyelaras TIC TM di Sarawak merancang untuk melaksanakan program jualan bagi pakej-pakej yang telah dibentuk sebelumnya di beberapa lokasi di luar Sarawak seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pontianak, Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM13.1 juta bagi 11 projek pembangunan di Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan di Negeri Sarawak. Sehubungan itu, Kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan di Negeri Sarawak.

Bagi tujuan tersebut, Yang Berhormat disyorkan membuat permohonan melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak untuk diteliti berdasarkan keutamaan. Permohonan yang dikemukakan seterusnya akan diselaraskan oleh pihak Kementerian sebelum diperakukan untuk pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

NO. SOALAN: 8 JAWAB BERSEKALI NO : 24

Tuan Yang di-Pertua,

Saya yakin dengan penganjuran Kempen VM2020 ini akan memberi manfaat besar kepada pelbagai lapisan masyarakat serta industri pelancongan dan kebudayaan. Kempen ini juga berupaya untuk mewujudkan kesan limpahan kepada sektor-sektor ekonomi lain yang berkaitan termasuk meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Saya menyeru agar semua pihak dapat bersama-sama berganding bahu dan bersatu hati dalam menjayakan Kempen VM2020 ini sebagai satu misi nasional.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILLIE ANAK MONGIN
KAWASAN : PUNCAK BORNEO
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN WILLIE ANAK MONGIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat membina jejantas untuk memudahkan penduduk Kpg Sungai Barie dan Kpg Lintang Baru untuk menyeberang Lebuhraya Pan Borneo (Jajaran Kuching–Serian), khasnya pelajar sekolah daripada Kampung Lintang Baru yang hendak menyeberang Lebuhraya Pan Borneo untuk pergi ke sekolah SK Sungai Kenyah. Kini jumlah kenderaan amat banyak termasuk kenderaan berat dan amat berbahaya untuk para pejalan kaki untuk menyeberang Lebuhraya tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian laluan utama dari Kuching ke Serian telah dinaik taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala pada tahun 2009. Laluan Kuching-Serian ini merupakan antara jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang telah sedia dinaikkan taraf. Oleh itu ia tidak termasuk dalam skop projek Rakan Pelaksana Projek atau PDP Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang kini sedang dilaksanakan.

Mengenai permohonan pembinaan jejantas pejalan kaki di laluan berkenaan iaitu berhampiran Sekolah Kebangsaan Sungai Kenyah, Kementerian Kerja Raya akan mendapatkan ulasan teknikal daripada JKR Sarawak bagi menentukan kebolehlaksanaan (warrant). Peruntukan bagi pelaksanaan projek ini akan dipertimbangkan setelah ulasan teknikal berkenaan diterima.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 10

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan menyatakan mengapa masih banyak lagi kontraktor, pembekal dan JKKK di Sarawak termasuklah kawasan Kapit, belum dibayar penuh walaupun projek-projek seperti Projek Jalan Kampong, Projek Baikpulih dan Bina Baru Rumah untuk yang termiskin, yang mereka buat lama sudah siap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELCRA telah dilantik sebagai agensi pembayar bagi projek baik pulih dan bina baharu rumah serta projek jalan kampung di Sarawak semasa pentadbiran terdahulu. Peruntukan telah pun disalurkan sepenuhnya kepada FELCRA untuk tujuan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, kesemua dokumen tuntutan bayaran Projek Jalan Kampung yang telah diterima oleh pihak Kementerian termasuk projek-projek di Negeri Sarawak telah dikemukakan kepada pihak FELCRA bagi tujuan pembayaran.

Untuk projek baik pulih dan bina baru rumah, FELCRA dijangka akan membuat pembayaran setelah menerima bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman daripada Kerajaan selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MOF) dalam masa terdekat ini, bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan operasi. Pembayaran tersebut dibuat secara berperingkat.

Kementerian sentiasa menyusul dengan pihak MEA dan FELCRA untuk memastikan pembayaran ini dibuat dan pihak MEA juga mengambil maklum perkara ini untuk mempercepatkan bayaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah serius wabak penyakit yang melanda perkampungan Orang Asli dan apakah langkah yang dilakukan untuk memastikan kawasan bebas daripada penyakit berbahaya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan siasatan dan membuat pemantauan berterusan sejak kejadian kluster penyakit jangkitan saluran pernafasan di Kuala Koh, Gua Musang yang dilaporkan pada 3 Jun 2019. Hasil siasatan mendapati kejadian kluster ini adalah berpunca dari jangkitan virus campak (measles) dimana sehingga 10 Julai 2019, kumulatif kes yang dilaporkan adalah sebanyak 181 kes dengan empat (4) kematian, iaitu di Kelantan (147 kes bergejala termasuk 3 kematian), Terengganu (26 kes bergejala termasuk 1 kematian) dan Pahang (8 kes bergejala, tiada kematian). Daripada jumlah tersebut, 88 kes telah disahkan measles melalui ujian makmal, iaitu 67 kes di Kelantan, 17 kes di Terengganu dan 4 kes di Pahang. Kesemua kes – kes kematian yang dilaporkan ini adalah kes yang disahkan demam campak melalui ujian makmal. Faktor penyumbang kepada penularan jangkitan campak adalah berpunca

dari liputan imunisasi yang rendah. Masalah kekurangan zat makanan pula menjadi penyumbang kepada komplikasi jangkitan measles ini.

Namun begitu, bagi kes-kes kematian yang dilaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pihak PDRM bersama dengan Pasukan Perubatan Forensik KKM telah membuat pencarian dan berjaya menemui mayat-mayat berkenaan. Pasukan Perubatan Forensik KKM telah menjalankan bedah siasat ke atas kesemua mayat dan sampel-sampel hasil bedah siasat telah diambil untuk ujian makmal bagi mengenalpasti sebab dan punca sebenar kematian. Keputusan ujian makmal ini dijangka boleh diketahui dalam masa terdekat.

Untuk makluman **YB Tanah Merah**, tindakan yang diambil juga melibatkan kerjasama dari Kementerian lain supaya ianya komprehensif dan berterusan, antaranya:

1. Mempertingkatkan status pemakanan komuniti Orang Asli. Buat masa ini, makanan harian yang dibekalkan kepada komuniti Orang Asli yang ditempatkan adalah seperti berikut:
 - i) Penempatan Rumah Inap Kesihatan Orang Asli oleh JAKOA; dan
 - ii) Penempatan PLKN Etnobotani oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
2. Memastikan bekalan air adalah bersih kepada komuniti Orang Asli di Kg. Kuala Koh.

Sementara itu, antara tindakan awalan KKM bagi mengatasi kejadian ini adalah:

1. Mengadakan carian kes secara aktif di perkampungan Orang Asli berkaitan dan di perkampungan sekitar berdasarkan pergerakan mereka sebelum ini.
2. Memberi Vitamin A kepada semua kanak-kanak bagi kes campak yang dirawat bertujuan meningkatkan status imuniti

memandangkan mereka mengalami masalah kekurangan zat makanan.

3. Menjalankan aktiviti imunisasi kepada semua penduduk Orang Asli di lokaliti terlibat.
4. Memberi pendidikan kesihatan kepada penduduk termasuk sesi kaunseling bagi mengurangkan tekanan dan keresahan. Ini termasuk dengan memberikan pendidikan kesihatan mengenai penjagaan kebersihan diri, kebersihan persekitaran serta pencegahan dari jangkitan penyakit.

Yang di-Pertua,

Sebagai langkah jangka panjang, pendekatan pelbagai Agensi dan pemegang taruh perlu dilibatkan bagi menyediakan pelan strategik untuk populasi Orang Asli dengan cara hidup *semi-nomadic* dengan tujuan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada mereka. KKM juga memerlukan kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi untuk memastikan liputan imunisasi dapat ditingkatkan sehingga mencapai lebih daripada 95% dan tahap pemakanan komuniti Orang Asli ditambah baik. Ini bagi memastikan rantai jangkitan dan wabak penyakit tidak berulang lagi di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 12

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai “Pelan Induk” untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat di Parlimen Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian.

Peranan Kementerian adalah membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar sejak 2018 berbanding hanya sambungan ke *meter stand* sahaja sebelum ini. Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan projek naik taraf atau membina baru loji rawatan air mengikut keutamaan permohonan di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kementerian ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima serta kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kedudukan kewangan semasa negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Kawasan Parlimen Sri Aman, Kementerian ini sedang dalam perancangan untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Pantu Fasa III, Bahagian Sri Aman, Negeri Sarawak dengan kos siling projek sebanyak RM117 juta. Status projek adalah didalam proses lantikan Perunding. Taklimat tender Perunding telah dilaksanakan pada 20 Jun 2019. Senarai kampung yang terlibat adalah di sepanjang Jalan Kara/Punggu/Ran, sepanjang Jalan Jaong dan sepanjang Jalan Ubah yang akan memberi manfaat kepada 1,300 buah rumah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pencapaian *House Ownership Campaign* (HOC) yang diperkenalkan pada Januari 2019 dari segi penjualan stok rumah-rumah siap bina belum dijual dan pemilikan rumah oleh pembeli utama (*First time house buyers*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Dasar Perumahan Negara (DRN), Kerajaan sentiasa komited bagi memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki. Sehubungan itu, program Home Ownership Campaign (HOC) merupakan platform untuk memperkukuh dan menyelaraskan strategi serta pelan tindakan bagi menangani isu kebolehcapaian pemilikan rumah.
2. Melalui program HOC, pelbagai insentif telah diberikan oleh Kerajaan bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat seperti pemberian diskaun dan juga pengecualian duti setem terutamanya kepada golongan pembeli rumah pertama. Setakat ini sebanyak 1,144 unit rumah telah berjaya dijual sepanjang penganjuran HOC sehingga 7 Jun 2019 yang melibatkan nilai jualan rumah sebanyak RM650.87 juta.

3. KPKT juga telah mengemukakan surat permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada Mei 2019 berhubung pelanjutan kempen pelaksanaan HOC. Pihak MOF seterusnya telah mengumumkan lanjutan tempoh HOC selama 6 bulan sehingga 31 Disember 2019. Perkara ini adalah selaras dengan Siaran Media MOF bertarikh 30 Jun 2019.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
KAWASAN : PETRA JAYA
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status berkenaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ketika ini. Adakah ura-ura penamatan kontrak pihak PDP betul dan apakah kesannya terhadap pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (tempoh siap terjejas atau tidak).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas.

Sehingga 31 Mei 2019, prestasi kemajuan fizikal keseluruhan bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sarawak melibatkan jajaran dari Telok Melano hingga ke Miri ialah sebanyak 45% berbanding jadual 43%. Manakala bagi Fasa 2 projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang menjalankan kerja-kerja awalan bagi Jalan Perhubungan Sarawak - Sabah (Sarawak - Sabah Link Road) yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Jajaran tersebut melibatkan kawasan pedalaman di utara negeri Sarawak iaitu kawasan Baram, Limbang dan Lawas dan seterusnya menghubungkan ke negeri Sabah (Sindumin dan Long Pasia).

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara, mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak sedang diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Proses penelitian tersebut turut mengambil kira kaedah alternatif terbaik yang tidak menjejaskan kelangsungan projek dan dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 15

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula elaun Ahli Lembaga Pelawat Hospital dan memberikan faedah serta kemudahan kemudahan yang sama kepada isteri/suami, anak-anak, ibu dan bapa seperti apa yang didapati oleh Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 4 Tahun 2018 – Pelantikan Dan Peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 5 Disember 2018, ahli Lembaga layak mendapat elaun sebanyak RM100.00 setiap kali hadir Mesyuarat ALPH yang diadakan sekurang-kurangnya dua (2) atau maksimum enam (6) kali setahun. Selain itu Surat Pekeliling Pengarah Kesihatan (Bil. 2/96) iaitu insentif-insentif bagi ALPH adalah:

1. Keutamaan mendapatkan rawatan di Jabatan atau Poliklinik Pesakit Luar di mana-mana Hospital KKM semasa tempoh menjadi ahli lembaga;
2. Kebenaran melawat saudara atau rakan di wad tanpa mengikut masa melawat yang ditetapkan dengan menunjukkan Pas Lembaga;
3. Pengecualian caj rawatan pesakit luar di mana-mana Hospital KKM semasa tempoh menjadi ahli lembaga; dan
4. Pengecualian caj rawatan dan caj wad kelas dua semasa tempoh menjadi Ahli Lembaga Pelawat sebagai penghargaan di atas perkhidmatan komuniti yang diberikan.

ALPH adalah satu bentuk keahlian bagi mereka yang sedia memberi sumbangan tenaga secara sukarela bagi mendekatkan antara Hospital dan komuniti. Buat masa kini, KKM belum bercadang memberikan faedah serta kemudahan kemudahan yang sama kepada isteri/suami, anak-anak, ibu dan bapa seperti apa yang didapati oleh Ahli Lembaga Pelawat Hospital memandangkan keahlian ini adalah sementara sahaja dan bertukar ganti serta bukan jawatan tetap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN
BABA [TENGGARA]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 16

Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai warganegara yang berjaya mendapat faedah daripada skim mySalam daripada permohonan yang dibuat dan adakah terdapat keperluan untuk memohon peruntukan tambahan pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaanya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

Sehingga 8 Julai 2019, statistik skim mySalam adalah seperti berikut:

JUMLAH TUNTUTAN	PENYAKIT KRITIKAL	FAEDAH HOSPITALISASI
Jumlah tuntutan yang diluluskan	48	560
	RM384,000	RM155,950
Jumlah tuntutan masih dalam proses kelulusan	24	229
	RM192,000	RM59,650

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 17

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci pelan tindakan untuk Program Desa Harapan yang bertujuan untuk membantu penduduk luar bandar keluar daripada kepompong kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Desa Harapan (PDH) merupakan inisiatif baharu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang melibatkan penyertaan sektor swasta dan korporat dalam proses pembangunan desa khususnya berkaitan dengan sosio - ekonomi penduduk luar bandar berdasarkan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) syarikat korporat selaku rakan strategik. Program Desa Harapan ini akan dilaksanakan di kampung-kampung yang terpilih di setiap negeri di seluruh negara.

Program ini meliputi tiga skop projek (3) yang utama iaitu:

- a. Ekonomi: Keusahawanan & Industri Desa
- b. Pendidikan
- c. Kemasyarakatan & Keceriaan

Pelaksanaan program ini bermula dengan pemilihan sebuah kampung terpilih di setiap negeri dari senarai yang telah dikemukakan oleh agensi KPLB di negeri bersama dengan Kerajaan negeri berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan agar mencapai objektif yang ditetapkan. Kampung akan terlibat dalam program ini selama 2 tahun di mana rakan strategik program ini akan melaksanakan program dan memantau perkembangannya selama tempoh berkenaan di kampung tersebut.

Setelah senarai kampung dan syarikat diperolehi, sesi libat urus bersama penduduk dan rakan strategik akan dilaksanakan bagi mengenalpasti keperluan penduduk atau kampung yang boleh meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Pihak syarikat akan merangka program serta bantuan yang akan dihulurkan kepada pihak yang berkenaan di kampung tersebut.

Pada masa sekarang, sebuah kampung sedang terlibat dengan Program Desa Harapan iaitu Kampung Kinjang di Chenderiang, Perak manakala 2 buah lagi kampung iaitu Kampung Kuala Temonyong di Langkawi dan Kampung Weng di Baling dalam proses untuk memulakan pelaksanaan programnya oleh rakan strategik dalam masa terdekat. Kementerian menyasarkan bahawa 3 lagi negeri iaitu Kelantan, Johor dan Terengganu akan terlibat dalam Program Desa Harapan dalam tahun ini.

Walau bagaimanapun, kejayaan program ini terletak pada sejauh mana kesungguhan dan komitmen penduduk kampung yang telah dipilih untuk melibatkan diri dalam program yang telah diberikan bantuan oleh rakan strategik. Pihak Kementerian bersama rakan strategik hanya dapat memberikan bimbingan agar penduduk kampung yang terlibat dapat meningkatkan pendapatan dan sosio ekonomi mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengkaji masalah lemah mental ketika berhadapan dengan kanser dan penyakit kronik dan apakah langkah kementerian mengurangkan masalah tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

World Health Organization atau WHO mendefinisikan kesihatan sebagai '*health is a state of complete physical, mental and social well being and not merely the absence of disease or infirmity*'. Definisi ini menunjukkan bahawa kesihatan mental dan kesihatan fizikal tidak boleh dipisahkan dan saling bergantung antara satu sama lain. Oleh itu, tidak dapat dinafikan jika individu mengalami penyakit kronik seperti jantung, diabetes, HIV, dan kanser, mereka juga akan mengalami ketidakstabilan emosi dan mental kesan daripada penyakit yang dihidapi.

Rumusan daripada banyak kajian mendapati bahawa terdapat pertalian rapat di antara penyakit mental seperti kemurungan dengan penyakit berkaitan jantung seperti penyakit jantung kardiovaskular, koronari, strok dan sebagainya. Didapati juga lebih 50% pesakit kanser

mengalami pelbagai jenis masalah emosi. Pesakit diabetes juga mempunyai lebih 3 kali risiko untuk mendapat kemurungan berbanding dengan individu yang sihat.

Kesan daripada tempoh dan jenis rawatan contohnya seperti kemoterapi yang terpaksa dilalui oleh pesakit sedikit sebanyak menyebabkan mereka terkesan dari aspek emosi seperti mudah marah, rasa takut, mudah tersinggung, murung dan pelbagai lagi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan betapa seriusnya perkaitan di antara penyakit kronik dan kesejahteraan minda seseorang individu itu. Antara langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi membantu individu-individu yang mempunyai penyakit kronik ini adalah:

1. Aspek bantuan psikososial kepada pesakit

- Di peringkat kesihatan primer, perkhidmatan Pegawai Kerja Sosial Perubatan yang disediakan di klinik-klinik kesihatan terpilih sentiasa bersedia membantu memberikan sokongan psikososial kepada pesakit yang memerlukan. Antara jenis perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti terapi sokongan, khidmat runding bicara, kumpulan sokongan, intervensi krisis dan bantuan praktikal.

2. Aspek pencegahan penyakit mental, pengesanan awal dan rawatan

- KKM juga melalui 61 hospital kerajaan di seluruh Malaysia menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental. Terdapat seramai 194 orang Pegawai Perubatan Psikiatri, 33 pegawai psikologi klinikal dan 89 pegawai psikologi kaunseling yang ditempatkan di hospital Kerajaan seluruh Negara yang memberikan perkhidmatan dari aspek psikologi dan memberi penekanan terhadap kesejahteraan mental dan pencegahan masalah-masalah psikososial.

Perkhidmatan yang diberikan ini akan membantu pesakit-pesakit kronik dalam mencapai kehidupan yang lebih berkualiti.

3. Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental juga dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan fizikal dan kesihatan mental. Kempen Cara Hidup Sihat turut memfokuskan kepada Menangani Stres kerana stres berterusan dan tidak dapat ditangani boleh menyebabkan kemurungan. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan semasa kempen ini antaranya ialah kem-kem kesihatan, pameran, ceramah, dialog dan forum. Risalah berkaitan kesihatan fizikal dan kesihatan mental, turut juga diedarkan melalui klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga mewujudkan laman web Portal MyHealth yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental.

4. Melalui Program Kesihatan Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan di peringkat awal tahap stres, keresahan dan kemurungan serta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat serta intervensi

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini kemajuan di Tasik Kenyir berkaitan :-

- a) pembinaan sebuah hotel oleh Syarikat Binapuri Sdn. Bhd.; dan
- b) pembinaan Pulau Burung, Pulau Orkid dan Pulau Rama-Rama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa mengalu-alukan penglibatan dan sumbangan Kerajaan Negeri dalam membantu membina kemudahan infrastruktur pelancongan bagi memacu industri pelancongan negara termasuklah projek pembinaan hotel di Tasik Kenyir oleh syarikat Binapuri Sdn. Bhd.

Sehubungan ini, Kementerian mengesyorkan supaya maklumat terkini berkaitan status pembinaan hotel tersebut dimohon daripada Kerajaan Negeri Terengganu memandangkan ia adalah projek Kerajaan Negeri sepenuhnya.

NO. SOALAN : 19

Kementerian turut ingin mengesyorkan agar maklumat berkaitan pelaksanaan projek kemudahan pelancongan di Pulau Burung, Pulau Orkid serta Pulau Rama-Rama yang terletak di Tasik Kenyir diperolehi daripada Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah selaku pemilik dan pembiaya keseluruhan projek.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 20

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar khususnya belia dan ibu tunggal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan dua siri Karnival Usahawan Desa (KUD@KPLB) pada tahun ini sehingga bulan April yang lepas. Program yang diadakan di Pulau Pinang dan Terengganu tersebut secara terkumpul telah melibatkan seramai 526 usahawan dengan jumlah pengunjung seramai 106,382 orang dan jumlah jualan sebanyak lebih kurang RM2.17 juta. Seterusnya, KUD@KPLB Zon Sabah akan diadakan pada 25 hingga 28 Ogos 2019 di Kompleks Sukan Kota Kinabalu Sabah dan penutup bagi KUD@KPLB akan diadakan di Putrajaya pada 17 hingga 21 Oktober 2019.

Program KUD@KPLB ini berjaya membantu usahawan luar bandar termasuklah dari kalangan usahawan belia dan usahawan wanita dalam memasarkan produk mereka serta seterusnya mengembangkan perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi.

NO. SOALAN : 20

Untuk makluman Yang Berhormat jua, MARA turut menyediakan kemudahan bantuan pembiayaan perniagaan kepada golongan belia dan wanita iaitu program Skim PUTRA dan DanaNita. Sejumlah RM 8,850,000 diperuntukkan bagi program Skim PUTRA untuk tahun 2019 dengan sasaran 900 usahawan yang akan mendapat manfaat. Manakala Sejumlah RM10,000,000 diperuntukkan bagi program DanaNita untuk tahun 2019 dengan sasaran 200 usahawan yang akan mendapat manfaat.

Selain itu, bermula tahun 2016, KEMAS juga telah memperkenalkan program Quick Win dalam bidang jahitan, masakan, dandanan diri dan seni tangan bagi memberi peluang kepada peserta-peserta kelas kemahiran KEMAS sedia ada untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dengan menceburi bidang kemahiran.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, bermula tahun 2019, KEMAS telah memperkenalkan Kursus Keusahawanan Rintis kepada masyarakat luar bandar yang mempunyai potensi untuk memajukan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

KEMAS juga telah memperkenalkan Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) pada tahun 2019 bertujuan untuk memperkasakan wanita secara holistik merangkumi aspek ekonomi, kesihatan, kekeluargaan dan perundangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal satu Akta Perolehan yang moden bagi memperbaiki sistem perolehan yang ada sekarang yang banyak kelemahan kerana terdedah kepada rasuah yang telah menyebabkan negara kerugian berbilion ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengawal dan mengelak daripada berlakunya ketirisan, pemborosan atau pembaziran kepada dana kewangan Kerajaan, Kerajaan telah membuat pengumuman mengenai penggubalan Akta Perolehan Kerajaan semasa pembentangan Belanjawan 2019. Objektif penggubalan Akta Perolehan Kerajaan ini adalah untuk mengawal selia perbelanjaan awam secara profesional dan telus agar selaras dengan prinsip perolehan kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Instrumen perundangan ini diharap akan dapat menambahbaik tadbir urus pelaksanaan perolehan kerajaan serta memperkukuhkan pengurusan fiskal Negara.

Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan ini antara lain akan memperkenalkan elemen-elemen baharu dalam proses pelaksanaan perolehan kerajaan iaitu mekanisme semak dan imbang yang membolehkan aduan dan bantahan dibuat oleh pembekal dan pihak awam. Inisiatif Kerajaan melalui Akta ini adalah untuk menyediakan platform aduan atau bantahan yang efektif dalam penyaluran apa-apa perkara berkaitan pelanggaran peraturan perolehan kerajaan. Bagi pihak yang didapati cuai, melanggar peraturan dan sebagainya, elemen tindakan punitif akan diperkenalkan manakala bagi pihak yang menyalahgunakan kuasa dan melakukan rasuah, tindakan boleh diambil di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

RUU Perolehan Kerajaan ini dijangka akan dibentangkan pada Julai 2020. Pada ketika ini, Kementerian Kewangan sedang melaksanakan libat urus dengan semua pihak yang berkepentingan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci dakwaan nama negara masih lagi berada dalam senarai menyertai Statut Rom meskipun telah sebulan Kabinet memutuskan menarik diri daripada statut tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ketereh atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk Malaysia menarik balik penyertaan negara ke Statut Rome pada 5 April 2019.

3. Sejurus selepas pengumuman YAB Perdana Menteri, Kementerian telah menghubungi pejabat Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mendapat maklumat tentang proses yang perlu diambil bagi sesebuah negara menarik diri daripada menyertai Statut Rome.

4. Memandangkan perkara seperti ini merupakan pertama kali sesebuah negara menarik balik penyertaannya dari sesebuah triti antarabangsa sebelum triti tersebut berkuatkuasa secara rasmi, pejabat Setiausaha Agung PBB perlu menyelidik dan membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam dengan Pejabat Perundangan PBB (*United Nations Office of Legal Affairs – OLA*) serta Kaunselor Perundangan PBB untuk membolehkan mereka mengenal pasti kaedah terbaik untuk membuat demikian.

5. Setelah beberapa minggu membuat susulan tanpa menerima maklumbalas daripada PBB, Kementerian Luar Negeri telah mengambil keputusan untuk menarik balik penyertaannya ke Statut Rome dengan mengemukakan surat kepada Setiausaha Agung PBB pada 29 April 2019.

6. Pada 15 Mei 2019, Kementerian Luar Negeri telah menerima maklumbalas daripada PBB yang mengesahkan penarikan balik penyertaan Malaysia dari Statut Rome. Penarikan balik penyertaan Malaysia ke triti tersebut berkuatkuasa pada 29 April 2019, iaitu tarikh Kerajaan Malaysia mengemukakan surat penarikan balik penyertaan Malaysia ke Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa kepada Setiausaha Agung PBB, selaku depository bagi triti tersebut.

7. Makluman mengenai pengesahan tersebut telah dimuatnaik di laman sesawang PBB pada awal pagi 16 Mei 2019 (waktu Malaysia). Sehubungan dengan ini, Malaysia telah dikeluarkan daripada senarai Negara Pihak kepada Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan *Waste to Energy (WtE)* dan adakah tapak pelupusan sedia ada bersesuaian untuk diubah kepada WtE.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam proses menyediakan kaedah perolehan bagi pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan *Waste to Energy (WtE)* untuk dilaksanakan secara *Request for Proposal (RfP)*. Kaedah perolehan secara RfP ini dapat menawarkan kepada pihak Kerajaan cadangan yang lebih berdaya saing, pemilihan teknologi yang boleh dipercayai dan terbukti berkesan serta tawaran perkhidmatan yang lebih ekonomi daripada pihak syarikat. KPKT juga telah menetapkan supaya teknologi yang dipilih perlu melalui

Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan dalam memastikan teknologi tersebut sesuai dilaksanakan, selamat dan terbukti berkesan.

2. Pelaksanaan pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan WtE di tapak pelupusan sedia ada adalah bersesuaian memandangkan tapak tersebut telah dilengkapi dengan kemudahan seperti sel pelupusan dan loji rawatan air larut resap. Fasiliti WtE ini juga dapat memastikan semua sisa pepejal yang dijana dirawat terlebih dahulu sebelum dilupuskan ke tapak pelupusan. Perkara ini dapat mengoptimumkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada serta mengurangkan kos pengambilan tanah untuk jangka masa panjang. Sehingga kini, sebanyak 1 tapak pelupusan sedia ada telah dibangunkan sebagai fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan WtE iaitu Tapak Pelupusan Sanitari (TPS) Bukit Tagar di Selangor yang menghasilkan 10.5MW tenaga elektrik manakala TPS Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan yang sedang dalam proses pembinaan dijangka berupaya menjana tenaga elektrik berkapasiti 20MW sehari. Selain itu, 2 lagi tapak pelupusan dalam proses perancangan untuk dibangunkan sebagai fasiliti berkonsepkan WtE iaitu di Sungai Udang, Melaka dan Bukit Payong, Johor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan cadangan Projek Bandar Malaysia di atas tapak TUDM Sungai Besi dan apakah perancangan masa depan ke atas tapak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Kerajaan pada 17 April 2019 telah memutuskan untuk meneruskan semula projek Bandar Malaysia di mana IWHCREC Sdn Bhd (ICSB), sebuah konsortium antara Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd dan China Railway Engineering Corporation (M) Sdn Bhd, akan membangunkan projek berkenaan secara bersama dengan Kerajaan.

Bagi menentukan hala tuju dan memantau pelaksanaan pembangunan Bandar Malaysia supaya ia benar-benar memberikan faedah kepada rakyat (peoplecentric) dan menambahkan nilai substantif kepada ekonomi negara, Kerajaan pada 22 April 2019 telah bersetuju supaya satu Jawatankuasa Penasihat Pembangunan (Development Advisory Committee) ditubuhkan. Peranan Jawatankuasa berkenaan termasuklah melaksanakan rundingan dengan pihak ICSB untuk

memperincikan dan menambah baik terma-terma projek Bandar Malaysia supaya ia memberikan pulangan terbaik kepada rakyat dan ekonomi negara. Pada masa ini, pihak Jawatankuasa Penasihat Pembangunan dan ICSB sedang melaksanakan rundingan bagi memuktamadkan terma-terma Perjanjian Jual Beli dan pembangunan Bandar Malaysia yang baharu.

Perjanjian-perjanjian berkaitan dijangka akan dimeterai dalam masa terdekat dan bakal menetapkan hala tuju strategik projek mega ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 26

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini bilangan kes keganasan rumah tangga, rogol, kesalahan seksual, penderaan kanak-kanak yang diterima oleh Pusat Khidmat Sehenti atau Jabatan Kecemasan di Hospital Kerajaan seluruh Malaysia dipecahkan mengikut negeri, umur, jantina, dan hubungan dengan pelaku.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menawarkan perkhidmatan One Stop Crisis Center (OSCC) di Jabatan Kecemasan di semua hospital Kerajaan di Malaysia. Sehingga kini, terdapat 130 buah hospital yang mempunyai perkhidmatan OSCC. Data-data bagi kes-kes keganasan dan penderaan seperti rogol, liwat, penderaan kanak-kanak dan kes keganasan rumah tangga dikumpul secara manual daripada OSCC.

Statistik yang terkini pada tahun 2018 yang melibatkan kanak-kanak dan remaja berumur 0 hingga 19 tahun, sebanyak 3,258 kes dilaporkan melibatkan penderaan seksual (2,040 kes), fizikal (1,153 kes) dan psikologikal (65 kes). Daripada jumlah penderaan seksual, sebanyak 1,419 kes adalah kes rogol, 518 kes adalah kes cabul dan 103 kes adalah kes liwat.

Pecahan kes mengikut umur yang dilaporkan mendapati bagi umur 0 hingga 9 tahun, jumlah kes penderaan yang dilaporkan adalah 1,176 kes dan daripada jumlah ini kes penderaan fizikal adalah tertinggi (649 kes). Manakala, bagi umur 10 hingga 17 tahun, jumlah penderaan adalah 1,886 kes dan daripada jumlah ini, penderaan seksual adalah tertinggi (1,433 kes). Bagi umur 18 hingga 19 tahun, jumlah penderaan adalah sebanyak 196 kes dan daripada jumlah ini, penderaan seksual adalah tertinggi iaitu 128 kes. Bagi hubungan dengan pelaku, penderaan dalam kumpulan umur 0 hingga 9 tahun majoriti dilakukan oleh ibubapa kandung manakala bagi umur 10 hingga 19 tahun pula majoriti pelaku adalah teman lelaki/teman wanita. Bagi penderaan fizikal, kes yang dilaporkan adalah lebih tinggi bagi jantina lelaki manakala bagi penderaan seksual dan psikologi, jantina perempuan adalah lebih tinggi. Negeri yang melaporkan kes penderaan tertinggi adalah Johor (626 kes), Sabah (577 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (440 kes).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ketidaksepadanan (*Mismatch*) antara penawaran dan permintaan kawasan perumahan mengikut lokasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha yang sedang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengatasi masalah ketidaksepadanan (*Mismatch*) antara penawaran dan permintaan kawasan perumahan mengikut lokasi adalah melalui:

- a) **Cadangan harga siling rumah mampu milik di bandar dan luar bandar bagi setiap negeri.**

Di bawah Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) harga rumah mampu milik dicadangkan berdasarkan harga rumah median semasa iaitu menggunakan ketetapan

gandaan median (*median multiple*). Pengiraan harga rumah ini berdasarkan 3 kali ganda pendapatan isi rumah penengah (median) penduduk di bandar dan luar bandar setiap negeri.

Penentuan harga siling ini boleh dijadikan garis panduan kepada pemaju bahkan Kerajaan Negeri dalam perancangan pembangunan perumahan yang mampu dimiliki oleh golongan sasar.

b) Mewujudkan pangkalan data bersepadu bagi semua maklumat berkaitan perumahan.

KPKT sedang merancang untuk membangunkan pangkalan data bersepadu berdasarkan konsep “Big Data Analytic” bagi mengintegrasikan semua maklumat perumahan di bawah satu bumbung yang meliputi maklumat permintaan dan penawaran perumahan mengikut lokasi. Pembangunan pangkalan data bersepadu ini akan dijadikan rujukan utama kepada agensi Persekutuan, Negeri dan pihak swasta dalam membuat perancangan pembangunan perumahan yang lebih holistik dan mengikut permintaan.

c) Pemusatan penyelarasan perumahan mampu milik.

Kerajaan telah menyelaraskan semua agensi penyediaan perumahan mampu milik kerajaan di bawah satu bumbung melalui perpindahan Perbadanan PR1MA Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Program Perumahan Penjawat Awam ke bawah KPKT. KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) juga adalah penyelarasan bagi pembangunan 1 Juta Rumah Mampu Milik bersama 8 Kementerian Persekutuan, Kerajaan Negeri serta pemaju swasta bagi memastikan pemusatan maklumat pembangunan rumah mampu milik.

- d) **Menambah baik koordinasi antara pembangunan perumahan dan pengangkutan untuk kualiti kehidupan yang lebih baik.**

KPKT bersama dengan *stakeholders* industri perumahan yang berkaitan akan bekerjasama dalam memastikan perancangan kemudahan pengangkutan dan projek perumahan diselaraskan di peringkat nasional dan sub-nasional supaya perancangan tersebut memenuhi keperluan sesuatu kawasan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
KAWASAN : PETRA JAYA
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah laluan sedia ada yang menghubungkan wilayah Sarawak melalui Brunei akan dinaik taraf memandangkan jalan sedia ada sudah tidak mampu menampung bebanan trafik terutamanya di hujung minggu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan amat prihatin terhadap isu kesesakan trafik di laluan sedia ada yang menghubungkan wilayah Sarawak melalui Brunei terutamanya pada waktu hujung minggu. Rangkaian jalan raya sedia ada memerlukan pengguna dari negeri Sabah memasuki negara Brunei sebelum dapat meneruskan perjalanan ke negeri Sarawak dan sebaliknya. Sehubungan dengan itu, tempoh masa perjalanan adalah amat panjang selain pengguna terpaksa melalui beberapa pusat pemeriksaan Kastam dan Imigresen di pintu masuk sempadan kedua-dua negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Kemungkinan Sarawak - Sabah Link Road telah siap dilaksanakan oleh Kementerian ini pada tahun 2006. Kajian tersebut telah mengenalpasti jajaran bagi jalan ini sepanjang 275km dan telah mencadangkan pelaksanaan projek ini dibuat secara berfasa. Bagi maksud tersebut, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 5 juta untuk kerja-kerja awalan bagi Pakej 1 sepanjang 80km dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut. Status terkini adalah pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah pun mengambil tindakan melaksanakan tender-tender berkaitan dengan kerja-kerja awalan projek sepertimana yang telah diarahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian Kementerian berhubung undang-undang tunggal yang jelas mengenai pelaksanaan projek pembaharuan semula skim-skim perumahan awam lama di negara ini. Adakah terdapat cadangan untuk menambah baik akta sedia ada, jika tidak apakah pendekatan yang dirancang berhubung skim-skim perumahan terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai cadangan untuk mengkaji kaedah terbaik dalam pelaksanaan pembaharuan semula skim atau program perumahan berstrata awam yang telah usang terutamanya di kawasan bandar. Perumahan-perumahan lama ini memerlukan kos pembaikan dan penyelenggaraan yang tinggi selain terdapat juga perumahan berstrata yang dahulunya mempunyai satu atau dua bilik yang tidak lagi sesuai

untuk menampung ahli keluarga yang ramai (4 atau 5 orang) pada masa kini.

2. Justeru, Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Perbadanan Pengurusan Perumahan (3P) untuk mengkaji serta melaksanakan pembangunan semula skim perumahan awam dan swasta kos rendah yang telah usang.

3. Namun begitu, pelaksanaan pembangunan semula ini tertakluk kepada peruntukan sedia ada serta pindaan perlu dibuat secara bersepadu dan menyeluruh di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan juga Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318).

4. Selain itu, pelaksanaan pembangunan semula ini juga perlu mengambil kira penempatan semula penduduk serta kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah unit rumah kos rendah dan nilainya yang belum dijual. Apakah sebab-sebab ianya terjadi.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui pelaksanaan Rumah Mampu Milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), status penjualan PPR sehingga Jun 2019 adalah seperti berikut:-

Bil.	Negeri	Projek	Jumlah Unit Rumah	Jumlah Unit Dijual	%	Jumlah Unit Belum Jual	%	Catatan
Strata								
1	W.P. Kuala Lumpur	PPR Kepong	1,600	1,426	89.13%	174	10.86%	

NO SOALAN : 30

2	Selangor	PPR Lembah Subang 2	738	738	100%	0	0%	
3	Melaka	PPR Sg Putat, Batu Berendam	336	336	100%	0	0%	
Teres								
1	Pahang (27)	Semua Projek PPR Pahang	3,668	3,462	94.38%	206	5.62%	206 Dalam Proses Pinjaman
2	Sarawak	PPR Lambir	505	503	99.6%	2	0.4%	
3		PPR Samarahan	180	161	89.44%	19	10.56%	
4		PPR Sg. Tengah	439	437	99.54%	2	0.46%	
5	Kedah	PPR Mukim Naga	312	0	0%	312	100%	Dicadangkan Untuk Tukar Kepada RTO
6	Perak	Sri Iskandar	99	99	100%	0	0%	
Jumlah			7,877	7,162	90.92%	715	9.08	

*RTO- rent to own / sewa untuk dimiliki

2. Daripada maklumat tersebut, sebanyak 715 unit rumah PPR Dimiliki belum dijual di seluruh negara meliputi 9.08% daripada jumlah keseluruhan 7,877 unit. Unit-unit yang belum dijual ini masih dalam peringkat pengisian dan sebahagiannya dalam proses permohonan pinjaman perumahan oleh pembeli.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, nilai jualan PPR Dimiliki di Semenanjung Malaysia ialah RM35,000.00 seunit manakala bagi Sabah dan Sarawak nilai jualan adalah RM42,000.00 seunit

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. TAN YEE KEW
KAWASAN : WANGSA MAJU
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DR. TAN YEE KEW minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh mana keberkesanan kaedah turapan teknologi baharu yang diperkenalkan bagi mengatasi isu jalan berlubang yang boleh menyebabkan kemalangan terutamanya di laluan yang melibatkan bilangan kapisiti trafik yang tinggi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan telah digazetkan sebagai salah satu aset kerajaan yang seharusnya disenggara dengan sempurna supaya infrastruktur itu sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan oleh awam. Malaysia kini mempunyai rangkaian jalan raya lebih daripada 130,000 km mengikut Statistik Jalan 2018. Lazimnya, struktur pavemen jalan direkabentuk bagi menampung beban trafik untuk tempoh jangka hayat selama 10 hingga 20 tahun. Namun, ia perlu disenggara dari semasa ke semasa dalam tempoh jangka hayat itu. Selain penyenggaraan secara rutin seperti menampal lubang pada permukaan jalan, jaringan jalan raya ini juga perlu dibuat penyenggaraan secara berkala seperti menurap semula permukaan jalan.

Terdapat pelbagai teknik yang diamalkan bagi membaikpulih kerosakan jalan, bergantung pada jenis dan tahap kerosakan. Kaedah penurapan secara 'overlay' dan 'mill & pave' digunapakai bagi membaharui permukaan jalan jika kerosakan hanya melibatkan lapisan turapan sahaja (kerosakan fungsi), manakala kaedah pembaikan secara 'cold in-place recycling' bagi meningkatkan kekuatan lapisan asas (road base) dilaksanakan ke atas jalan yang mengalami kerosakan struktur.

Kaedah penurapan teknologi baharu seperti dengan menggunakan bahan turapan (asphalt) yang diubahsuai dengan tambahan polimer sintetik atau lebih dikenali sebagai 'polymer modified asphalt' (PMA) bukan lagi asing di negara ini. PMA telah digunakan bagi runway dan taxiway di KLIA dan KLIA 2, dan lapangan terbang tempatan yang lain, serta di jalan dengan beban trafik yang tinggi seperti di Pelabuhan Klang dan sebagainya bagi meningkatkan rintangan terhadap pembentukan keretakan dan 'pothole' pada turapan jalan.

Terkini, penurapan menggunakan campuran bahan buangan yang dikitar

semula seperti sisa plastik (plastic waste) dan 'crumb rubber' (serbuk getah yang diproses dari tayar terpakai), dan polimer asli seperti getah asli (natural rubber) sedang dipantau keberkesanannya di beberapa tapak kajian.

Namun, harus diingatkan, penggunaan turapan teknologi baharu ini tidak akan berkesan jika jalan itu sentiasa dibebani dengan kenderaan berat melebihi muatan sehingga menjejaskan kapasiti struktur pavemen jalan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN NO. 32

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan bagaimana model baharu program keusahawanan yang memfokuskan kerjasama dengan pihak swasta mampu untuk melonjakkan keupayaan usahawan PKS terutamanya usahawan Melayu dan Bumiputera.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kejayaan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) antara lain ditentukan oleh kerjasama secara efektif, koordinasi yang mampan serta komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak swasta. Usaha telah dilaksanakan bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah pasaran, pembiayaan, sokongan, budaya, kemahiran dan bakat serta teknologi dan inovasi yang melibatkan kerjasama kolektif di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta.
2. Dasar Keusahawanan Nasional yang akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada hari ini telah menggariskan strategi dan inisiatif yang mampu melonjak dan memantapkan keupayaan dan prestasi PKS

termasuk usahawan Melayu dan Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi, seperti berikut:

- (i) **penyediaan kepelbagaian akses pasaran** bagi produk dan perkhidmatan usahawan PKS yang membolehkan produk dan perkhidmatan mereka dipasarkan melalui kedai-kedai runcit, kedai serbaneka, pasaraya dan *hypermarket*;
- (ii) **peningkatan kolaborasi di antara usahawan, inovator dan penyelidik** dalam pembangunan dan pengembangan perusahaan bagi meningkatkan kadar pengkomersialan sesuatu produk melalui penggabungan hasil inovasi dan keperluan industri. Melalui kolaborasi ini, usahawan PKS dapat menambah nilai produk dan mencipta inovasi yang praktikal bagi menjamin sambutan pasaran;
- (iii) **penyediaan latihan kemahiran khusus** kepada usahawan PKS yang memberi fokus kepada teknik pemasaran dan penjenamaan, pembangunan produk berteraskan inovasi serta pengembangan perniagaan melalui platform e-dagang;
- (iv) galakan dan sokongan kepada usahawan PKS **mempelopori sektor-sektor yang berpotensi dan pertumbuhan tinggi** seperti industri automotif, aeroangkasa, keretapi, peralatan perubatan, ekonomi digital, bioteknologi dan tenaga boleh baharu (*renewable energy*) bagi meningkatkan bilangan usahawan yang mempunyai *capacity and capability* dalam sektor-sektor pertumbuhan tinggi; dan
- (v) **meningkatkan keupayaan dan prestasi PKS dalam rantai bekalan**. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah memanfaatkan program pembangunan vendor untuk membangunkan usahawan PKS tempatan melalui penglibatan dalam rantai bekalan mereka. Selain daripada itu, galakan penyertaan perusahaan dalam platform perolehan kerajaan juga mampu membina kapasiti dan keupayaan PKS untuk meningkatkan skala perniagaan seterusnya berkembang ke pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan drastik yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan nilai mata wang Ringgit Malaysia dan memastikan ianya lebih stabil dan kukuh meskipun menghadapi kekangan kewangan dan perbelanjaan pelaburan yang terhad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 3 Julai 2019, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 0.1%. Prestasi ringgit ini adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -5.1% dan 5.5% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Secara khususnya, penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global dan ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia.
3. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir.
4. Pada masa yang sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Y.B. TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai pelancongan yang dikutip sehingga kini dan jumlah yang sudah diagihkan kembali kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak sehingga kini .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuatkuasa mulai 1 September 2017 cukai pelancongan pada kadar RM10 per bilik per malam telah dikenakan kepada pelancong asing yang menginap di premis penginapan yang berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017. Sejak dilaksanakan, jumlah keseluruhan cukai pelancongan yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di seluruh negara sehingga 31 Mei 2019 adalah sebanyak RM348.63 juta iaitu sebanyak RM39.98 juta pada tahun 2017 dan RM216.66 juta pada tahun 2018. Manakala bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 31 Mei 2019 jumlah kutipan cukai pelancongan yang dikutip adalah sebanyak RM92 juta.

Agihan 50% hasil kutipan cukai pelancongan bagi tahun 2018 telahpun disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri Sabah telah menerima RM12.67 juta dan Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima RM2.58 juta masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH SOALAN : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah jumlah dana yang disediakan Kementerian bagi membiayai program pembangunan keusahawanan wanita pada tahun 2019 untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam perniagaan di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk melaksanakan inisiatif bagi membangunkan kapasiti dan daya saing usahawan melalui program-program pembangunan secara holistik dan inklusif termasuk usahawan wanita. Ini adalah sejajar dengan hala tuju Kementerian untuk memacu pembangunan golongan usahawan dari setiap lapisan geopolitik.
2. Bagi tahun 2019, Kementerian melalui TEKUN Nasional telah menyediakan peruntukan bagi Program TemaNITA sebanyak RM30.0 juta. Sehingga Mei 2019, seramai 553 usahawan wanita di Sabah telah menerima pembiayaan sebanyak RM2.8 juta melalui program ini.
3. Selain daripada TEKUN Nasional, SME Bank juga menyediakan peruntukan khusus kepada wanita melalui Program MySME Lady dengan jumlah peruntukan sebanyak RM50.0 juta.

Tuan Yang Dipertua,

4. Walaupun peruntukan-peruntukan ini adalah khusus untuk golongan usahawan wanita, pelbagai inisiatif dan program telah ditawarkan oleh agensi di bawah MED dari segi pinjaman atau geran kewangan yang boleh dimanfaatkan oleh semua golongan usahawan termasuk usahawan wanita seperti :

i. Pembiayaan di bawah SME Bank

- a) Pembiayaan Premis Perniagaan (i-3P);
- b) *Rolling Expenditure Advance Cash Scheme* (i-REACH); dan
- c) *Business Accelerator Program* (BAP).

ii. Pembiayaan di bawah SME Corp

- a) Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE); dan
- b) *SME Emergency Fund* (SMEF).

iii. Pembiayaan di bawah TEKUN Nasional

- a) TEMAN TEKUN;
- b) TemaNITA TEKUN;
- c) Skim KONTRAK-I; dan
- d) TEMAN Niaga.

iv. Pembiayaan di bawah Bank Rakyat

- a) Bridge Financing-i
- b) Micro Enterprise Fund (MEF)
- c) Micro Financing-I (MUSK)

v. Pembiayaan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia

- a) Geran Bantuan Pembangunan (Program Pembangunan Perniagaan)
 - 'START-UP' Program/Projek Pembangunan Perniagaan Koperasi
 - 'SCALING-UP' Perniagaan/Perusahaan Perniagaan
 - 'ADVANCE' Perniagaan

Tuan Yang Dipertua,

5. Usahawan wanita mempunyai ketahanan serta personaliti yang berdaya tahan dan berupaya menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, khususnya dalam bidang keusahawanan. Sebagai Kementerian yang dipertanggungjawabkan bagi membangunkan para usahawan secara komprehensif dan holistik, Kementerian menyokong pemerkasaan golongan wanita dengan memastikan program-program keusahawanan sedia ada membantu untuk meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam sektor keusahawanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 36

DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilakukan oleh Kementerian agar kenaikan kos yuran konsultasi pengamal perubatan swasta ini tidak hanya memberikan penekanan terhadap kepentingan industri tetapi juga kepentingan rakyat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kos fi rawatan pesakit di hospital dan klinik swasta terdiri daripada fi perundingan dan tatacara serta lain – lain kos hospital dan klinik. Fi perundingan dan tatacara di hospital swasta dipantau berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 di bawah Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Jadual ini menetapkan harga siling atau had maksimum untuk fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta.

Bagi fi profesional yang dikenakan untuk perundingan dan tatacara perubatan dan pergigian di klinik-klinik swasta, ianya adalah dikawal di bawah Jadual Ketujuh Peraturan-Peraturan Kemudahan dan

Perkhidmatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Jadual ini memperuntukkan fi profesional dalam julat fi yang diselaraskan.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mengawal caj bagi penginapan, caj tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain-lain), caj ujian makmal dan caj ubat-ubatan. Dengan mengawal fi profesional melalui kedua-dua Jadual ini, rakyat akan dilindungi daripada dikenakan caj perkhidmatan kesihatan yang terlampau tinggi.

Cadangan pindaan Jadual Ketujuh bagi menyelaraskan fi profesional bagi pengamal perubatan am swasta telah melalui Analisis Impak Peraturan (*Regulatory Impact Analysis*) yang merupakan satu keperluan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia di bawah Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013 Dasar Negara Bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan.

Di dalam mempertimbangkan cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan am swasta ini, KKM telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak. Selain daripada pengamal perubatan am swasta, KKM juga telah mendapatkan pandangan daripada persatuan-persatuan pengguna dan majikan-majikan daripada pelbagai sektor industri. Sesi *town hall* yang melibatkan pengamal perubatan am swasta dan pihak-pihak berkepentingan ini juga telah yang diadakan pada 27 Ogos 2018. KKM mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh pengamal perubatan am swasta yang berdepan dengan kenaikan kos dalam memberikan perkhidmatan perubatan di klinik swasta.

Cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan am swasta ini telah pun diangkat ke Jemaah Menteri pada 24 April 2019 untuk persetujuan. Susulan daripada itu, Jemaah Menteri telah meminta agar cadangan ini dibincangkan terlebih dahulu di dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara sebelum sebarang keputusan dapat diambil.

Yang di-Pertua,

Untuk mengatasi masalah *fee-splitting* atau pembahagian fi, persatuan-persatuan pengamal perubatan am swasta iaitu *Malaysian Medical Association* (MMA), *Malaysian Practitioners Coalition Association Malaysia* (MPCAM), *Federation Private Medical Practitioners Association Malaysia* (FPMPAM) dan Pertubuhan Doktor–Doktor Islam Malaysia (PERDIM) telah menyediakan satu draf *Common Contractual Agreement* (CCA) untuk pengamal-pengamal am swasta dan MCO/TPA. Draf tersebut telah dikemukakan kepada KKM untuk disemak dari sudut perundangan supaya CCA tersebut tidak melanggar sebarang peruntukan perundangan di bawah KKM seperti Akta Perubatan 1971, Kod Etika dan Profesional oleh Majlis Perubatan Malaysia (*Code of Professional Conduct*) dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Akta 586 (1998). Draf CCA ini telah dibincangkan pada 9 Mei 2019 semasa mesyuarat antara persatuan-persatuan pengamal perubatan am swasta dan MCO/TPA dimana telah dipersetujui agar isu-isu perdagangan (*trade issues*) perlu diperhalusi untuk persetujuan bersama kedua-dua pihak. KKM pula akan memohon secara rasmi pandangan daripada Jabatan Peguam Negara berkenaan isu-isu *fee-splitting*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 37

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan pastikan data yang diperoleh oleh Syarikat Great Eastern di bawah skim mySalam tidak digunakan oleh syarikat ini untuk tujuan selain dari yang dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaanya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya

digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

Sehingga 8 Julai 2019, statistik skim mySalam adalah seperti berikut:

JUMLAH TUNTUTAN	PENYAKIT KRITIKAL	FAEDAH HOSPITALISASI
Jumlah tuntutan yang diluluskan	48	560
	RM384,000	RM155,950
Jumlah tuntutan masih dalam proses kelulusan	24	229
	RM192,000	RM59,650

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH SOALAN : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 38

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah perkembangan terhadap inisiatif program keusahawanan baharu yang memfokuskan kepada model kerjasama strategik yang merangkumi sektor awam, swasta, golongan profesional dan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan dokumen strategik keusahawanan negara iaitu Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) pada November 2018 dan menjadi panduan kepada penyediaan Dasar Keusahawanan Negara (DKN) yang akan dilancarkan pada 11 Julai 2019 ini. Antara teras strategi utama DKN ini adalah berkaitan inisiatif baharu yang bakal dilaksanakan di bawah RMKe-12 termasuklah program kerjasama awam-swasta dalam membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

2. Susulan itu, MED melalui agensi-agensi di bawahnya telah merancang dan mewujudkan pelbagai kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuklah sektor awam, swasta, golongan profesional dan rakyat. Antara program kerjasama strategik yang telah dilaksanakan

NO. SOALAN : 38

oleh agensi di bawah MED iaitu MaGIC adalah MaGIC *Accelerator Program*, MaGIC *Academy*, MaGIC *Social Entrepreneur*, MaGIC *e@Stanford* dan MaGIC *Central Partners*. Program-program tersebut adalah program kerjasama dalam bentuk rakan pengisian program, pasaran, pelaburan dan khidmat nasihat. Melalui program tersebut juga, MaGIC berjaya menghasilkan 986 usahawan baharu (*startups*) di samping 84,932 individu sedia ada sejak tahun 2014. Sehingga tahun 2018, sebanyak 66% usahawan masih lagi aktif dalam ekosistem dalam dan luar negara dengan jumlah pelaburan sebanyak RM544 juta.

3. SME Corp. juga pernah menjalankan kerjasama strategik awam-swasta melalui perkongsian inovasi di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Rangkaian Penyelidikan Awam – Swasta (PPRN). Antara kerjasama strategik yang dilaksanakan adalah:

- i. Kerjasama strategik *AIM-Steinbeis* dalam meningkatkan jumlah PKS yang mempunyai unit penyelidikan dan pembangunan (R&D) sendiri dan melaksanakan projek yang boleh menyumbang ke arah produktiviti dan pengeluaran PKS;
- ii. Kerjasama strategik *SIRIM-Fraunhofer* untuk meningkatkan produktiviti PKS melalui penembusan teknologi dan peningkatan dalam sektor pembuatan; dan
- iii. Kerjasama strategik *PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd.* menerusi Platform Pengkomersialan Teknologi (TCP) untuk menyediakan platform bagi bantuan menyeluruh kepada PKS yang berinovasi ke arah pengkomersialan.

4. Di samping program-program bagi usahawan sedia ada, MED juga turut menyediakan program berbentuk kerjasama strategik ini kepada golongan belia termasuklah graduan dalam usaha melahirkan modal insan yang berkemahiran untuk industri. Program *PROTÉGÉ Ready-To-Work* (RTW) adalah sebuah program kerjasama strategik dengan pihak industri seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan yang masih lagi dijalankan sehingga kini. Program ini membantu graduan meningkatkan kebolehpasaran melalui latihan pekerjaan dengan penempatan industri selama lapan (8) bulan (minimum) hingga 12 bulan (maksimum). Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 39

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan dan sambutan program khas pengakuan sukarela Lembaga Hasil Dalam Negeri oleh rakyat Malaysia yang telah berjalan serta penyertaan e-filing bagi peniaga dan bukan peniaga sebagai langkah menggalakkan rakyat membayar cukai pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang mula dilaksanakan pada 3 November 2018 merupakan salah satu usaha Kerajaan dalam melakukan pembaharuan percukaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan yang sepatutnya untuk meningkatkan kutipan cukai bagi pembangunan negara.

Program ini menyediakan platform untuk memberi peluang kepada pembayar cukai mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun pesisir pantai dengan pengenaan kadar penalti lebih rendah dari tempoh 3 November 2018 sehingga 30 September 2019 ke atas pelaporan pendapatan. Kadar penalti sedia ada ialah antara 45% hingga 300%. Sebaliknya, kadar penalti yang dikenakan di bawah PKPS adalah lebih rendah berbanding kadar penalti sedia ada seperti berikut:

Tempoh Pengakuan Sukarela	Kadar Penalty
03 November 2018 – 30 Jun 2019	10%
01 Julai 2019 – 30 September 2019	15%

Setelah pengakuan sukarela diterima dan diproses oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), surat persetujuan “*clearance*” akan dikeluarkan oleh LHDNM dan tindakan audit / siasatan tidak akan dibuat pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.

Pengakuan sukarela merangkumi perkara berikut:

1. melaporkan pendapatan yang belum / kurang dilaporkan, perbelanjaan terlebih tuntutan / tidak dibenarkan dan pelepasan / potongan / rebat terlebih tuntutan;

NO SOALAN : 39

2. melaporkan keuntungan pelupusan aset (harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah); dan
3. penyeteman surat cara yang belum disetem.

Semenjak PKPS ini diperkenalkan pada 3 November 2018 sehingga 23 Jun 2019, sebanyak 486,360 kes pengakuan sukarela telah diterima dan sedang diproses oleh LHDNM.

Pada masa ini, kadar dan bilangan pembayar cukai yang mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara *e-filing* kepada pihak LHDN bagi tahun taksiran 2018 sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak 100% bagi pembayar cukai syarikat bersamaan dengan 213,284 syarikat dan 98.63% bagi pembayar cukai individu iaitu bersamaan dengan 3,347,206 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Skim MyHome dan Skim MyDeposit masih dikekalkan sebagai skim subsidi Kerajaan untuk pembeli rumah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat sedia makluman, pelaksanaan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) mula diperkenalkan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2019, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan skim baharu melalui platform penjanaan dana masyarakat (*property crowdfunding*) sebagai sumber alternatif bagi pembelian rumah pertama yang dipacu oleh sektor swasta. Dalam hal ini, inisiatif FundMyHome yang diselia oleh EdgeProp Sdn. Bhd. telah diperkenalkan yang mana pembelian rumah pertama boleh dilaksanakan oleh pembeli dengan hanya membayar

deposit 20% daripada harga rumah dan baki 80% akan dibiayai oleh pelabur lain.

2. Menyedari bahawa akan terdapat pembeli yang kurang berkemampuan untuk membayar sejumlah 20% deposit pembelian rumah di bawah FundMyHome, maka Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 20 Februari 2019 telah melancarkan skim baharu iaitu Skim FundMyHome-Depositku. Skim FundMyHome-Depositku ini menyediakan bantuan pembiayaan pinjaman sebanyak 10% atau maksima RM30,000.00 kepada pembeli yang layak.

3. Untuk peringkat permulaan ini, Skim FundMyHome-Depositku hanya dibuka untuk pembelian Harmoni Apartment @ Eco Majestic, Semenyih yang mana rumah ini telah siap sepenuhnya dan sedia diduduki.

4. Pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) pula telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan masih dikekalkan bertujuan membantu golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah melalui insentif pembelian rumah pertama. Pada masa yang sama, Skim MyHome ini juga merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik.

5. Skim ini menawarkan insentif sebanyak RM30,000.00 untuk seunit rumah kepada pembeli yang layak serta akan memberi manfaat kepada pembeli-pembeli rumah pertama dan pemaju-pemaju swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH SOALAN : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 41

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan secara terperinci apakah inisiatif Kementerian bagi membantu usahawan tempatan menceburi dalam industri produk halal di pasaran antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Adalah menjadi tumpuan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk membantu usahawan tempatan menceburi industri produk halal, bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah menembusi pasaran global. Ini melihat kepada potensi industri halal di mana jumlah keseluruhan eksport barangan halal telah mencatatkan peningkatan dari RM26.2 bilion pada tahun 2010 kepada RM40 bilion pada tahun 2018. Bagi membantu usahawan tempatan, beberapa inisiatif khususnya di peringkat antarabangsa telah dipergiatkan oleh MED, antaranya:

(a)Program Going Export (GoEx)

Melalui program ini, usahawan akan diberikan bimbingan kawalan mutu, rekabentuk dan penjenamaan yang memenuhi standard antarabangsa. Sejak 2014, 287 PKS telah menyertai program ini dengan 40 pasaran baharu telah diteroka dan nilai potensi jualan eksport sebanyak RM504 juta.

(b) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)

Bantuan geran bersamaan dan skim pinjaman mudah disediakan bagi membantu meningkatkan bilangan dan keupayaan eksport PKS Bumiputera serta menambah bilangan PKS Bumiputera yang mampu untuk menembusi pasaran global. Untuk tempoh 2016 sehingga Januari 2019, sejumlah 46 permohonan telah diluluskan dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah RM44 juta.

(c) Ekspo Halal Malaysia 2019

Ekspo HALAL Malaysia 2019 pada 24 - 26 Januari 2019 khusus untuk meneroka pasaran Jepun sempena Sukan Olimpik Tokyo 2020. Sebanyak 223 Sesi Pemadanan Perniagaan telah direkodkan melibatkan 144 PKS yang menjana potensi jualan sebanyak RM135 juta. Pada masa ini, MED sedang giat membantu memudahkan usahawan untuk memenuhi piawaian dan keperluan import negara matahari terbit tersebut. Dalam masa yang sama, MED juga sedang bekerjasama dengan MATRADE untuk mendapatkan ruang perniagaan dalam kawasan perkampungan sukan Olimpik Tokyo 2020 bagi membolehkan usahawan Malaysia mempromosi dan memasarkan produk Halal mereka sepanjang tempoh sukan tersebut berlangsung.

(d) Karnival Halal Usahawan Malaysia 2019

Karnival Halal Usahawan Malaysia 2019 telah diadakan pada 18 – 20 April 2019 di Bosnia & Herzegovina sempena penganjuran Sarajevo Business Forum. Karnival ini bertujuan mempromosi produk dan perkhidmatan halal usahawan Malaysia. Ia bukan sahaja bertujuan untuk meneroka pasaran Bosnia & Herzegovina, malah menjadi pintu masuk ke negara-negara Balkan dan Eropah Timur. Sebanyak 34 buah syarikat tempatan telah menyertai program ini dengan potensi jualan sebanyak RM55 juta.

NO. SOALAN: 41

2. Fokus MED juga adalah pembangunan sumber bahan utama dalam penghasilan produk-produk halal. Antara langkah yang sedang diusahakan MED ialah membangunkan industri pembuatan gelatin halal di Malaysia. Pada masa kini, MED bersama-sama SME Corp Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Halal Industry Development Corporation (HDC) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dalam usaha merangka pelan pelaksanaan pembangunan gelatin halal. Pembangunan industri halal gelatin ini dijangka akan membuka peluang baharu kepada usahawan tempatan dalam rantai bekalan produk dan perkhidmatan halal di Malaysia dan seterusnya membuka akses kepada pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di daerah Asajaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Balai Bomba dan Penyelamat Asajaya telah diluluskan dalam RMKe-11 Rolling Plan Keempat (RP4) Tahun 2019.
2. Pada masa ini, status pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Asajaya adalah dalam peringkat rekabentuk dan penyediaan dokumen tender oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk iklan tender pada bulan November 2019. Tempoh untuk menyiapkan pembinaan balai bomba tersebut adalah selama 18 bulan dan dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2021.
3. Pada masa yang sama, Balai Bomba Sementara Asajaya telah mula beroperasi pada 1 Jun 2019 untuk memberikan perkhidmatan kebombaanan kepada penduduk di kawasan setempat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 43

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status terkini kerja-kerja pembinaan projek naik taraf Jalan Mangkubau Laut, Pitas. Berapa peratus kerja yang telah dilaksanakan dan bilakah ianya dijangka dapat disiapkan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Mongkubou Laut, Pitas, Sabah telah diluluskan semula bagi pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) Tahun 2018 dengan kos RM 113.0 juta dan skop menaiktaraf jalan sepanjang 27km dengan lebar jalan berturap 6.0 meter, pemulihan jalan di antara KM1- KM6 sepanjang 1.5km dengan lebar berturap 6.0 meter dan pembinaan dua (2) buah jambatan *steel girder* sepanjang 15m dan 7m lebar.

Status terkini projek adalah di peringkat penyediaan dokumen tender. Projek dijangka tender pada bulan Ogos 2019 dan Surat Setuju Terima dijangka dapat dikeluarkan pada awal tahun 2020. Pelaksanaan projek mengambil masa selama 30 bulan dan dijangka siap pada akhir tahun 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 44

Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status Fasa 2 projek Jalan Pantai (corniche road) yang menghubungkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan Pusat Bandaraya Kuala Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan fasa 2 projek jalan pantai (*corniche road*) yang menghubungkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan Pusat Bandaraya Kuala Terengganu telah bermula melibatkan kerja-kerja rekabentuk terperinci dan dalam proses untuk dimuktamadkan untuk kelulusan oleh Kerajaan Negeri. Proses pengambilan tanah dijangka bermula pada bulan Ogos 2019 dan proses tender dijangka pada suku pertama tahun 2020. Kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan pada tahun 2020 setelah proses pengambilan tanah selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK RONALD KIANDEE
[BELURAN]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 45

Y.B. DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana daya tahan ekonomi Malaysia dalam berdepan dengan ketidaktentuan cabaran luaran serta apakah impikasi kewangan langsung dan tidak langsung untuk Malaysia akibat perang dagang antara Amerika Syarikat dan China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China akan memperlahankan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia sebanyak 0.3 dan 0.4 mata peratusan bagi tahun 2019. Malaysia sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka akan merasai kesan pengurangan permintaan dunia.
2. Meskipun begitu, ekonomi Malaysia masih kekal berdaya tahan dan kukuh dengan mencatat pertumbuhan 4.5% pada suku pertama 2019.
3. Bank Negara Malaysia menjangkakan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal kukuh berkembang pada kadar 4.3% hingga 4.8% bagi keseluruhan tahun ini. Pertumbuhan ini dijangka dipacu terutamanya oleh perbelanjaan penggunaan sektor swasta disokong oleh pasaran buruh yang stabil dan kadar inflasi yang kekal rendah. Permintaan domestik adalah kukuh dan ini dapat dilihat daripada bilangan kenderaan yang dijual untuk tempoh Januari-Mei 2019 yang telah meningkatkan sebanyak 13% tahun-ke-tahun kepada 253,808 unit berbanding 225,134 unit dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Tuan yang di-Pertua,

4. Malaysia dijangka berpeluang menerima limpahan manfaat berikutan lencongan perdagangan dan pelaburan daripada perang perdagangan ini. Sebagai contoh, pelaburan langsung asing atau *foreign direct investment*(FDI) yang diluluskan untuk semua sektor bagi suku pertama tahun 2019 telah meningkat 73.4% kepada RM29.3 bilion berbanding RM16.9 bilion setahun lalu. Pertumbuhan suku pertama ini dipacu oleh kenaikan FDI yang diluluskan dalam sektor pembuatan sebanyak 127% kepada RM20.2 bilion berbanding RM8.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas.

5. Pada masa yang sama, indeks Pelopor Malaysia (*Leading Index*) bagi April 2019 telah menunjukkan unjuran perkembangan sebanyak 0.4% bagi bulan Ogos sehingga Oktober. Manakala Statistik Kecenderungan Perniagaan (*Business Tendency Index*) pula mengunjurkan perkembangan sebanyak 2.8% bagi suku kedua tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Klinik Kesihatan di Spaoh Bahagian Betong Sarawak, memandangkan pertambahan jumlah penduduk di kawasan tersebut amatlah memerlukan kemudahan kesihatan yang lebih moden.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan Jenis 5 Spaoh telah mula beroperasi sejak tahun 1989 dan menyediakan perkhidmatan pesakit luar, kesihatan ibu dan anak, perkhidmatan kecemasan, dan makmal perubatan kepada 10,000 orang penduduk. Anggaran kedatangan harian ke klinik adalah 80 pesakit sehari. Hospital terdekat adalah Hospital Betong berjarak 20km.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menambah baik perkhidmatan di Klinik Spaoh bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat. Sehubungan itu, dalam RMK-11, kerja-kerja menaik taraf makmal perubatan telah pun dilaksanakan dan siap sepenuhnya pada tahun 2017. Selain itu, sebuah bangunan bagi menempatkan mesin X-ray juga sedang dalam pembinaan. Memandangkan struktur bangunan yang masih kukuh, KKM bercadang untuk menaiktaraf klinik sedia ada sekiranya ada keperluan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 47

Y.B. TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima manfaat di bawah skim mySalam dan jumlah tuntutan yang telah diluluskan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaanya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta

NO SOALAN : 47

Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

Sehingga 8 Julai 2019, statistik skim mySalam adalah seperti berikut:

JUMLAH TUNTUTAN	PENYAKIT KRITIKAL	FAEDAH HOSPITALISASI
Jumlah tuntutan yang diluluskan	48	560
	RM384,000	RM155,950
Jumlah tuntutan masih dalam proses kelulusan	24	229
	RM192,000	RM59,650

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 48

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan pihak Kementerian untuk menambah bilangan mesin hemodialisis bagi pesakit buah pinggang terutamanya di kawasan luar bandar Sarawak khasnya di Klinik Kesihatan Kota Samarahan dan Klinik Kesihatan Asajaya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dengan keperluan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini terutamanya di kawasan luar bandar seperti di Klinik Kesihatan Kota Samarahan dan Klinik Kesihatan Asajaya yang belum mempunyai perkhidmatan hemodialisis.

Buat masa ini, pesakit yang memerlukan dialisis boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut di Hospital Umum Sarawak, Pusat Jantung Sarawak dan Hospital Simunjan. Bagi tahun 2019, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menerima peruntukan sebanyak RM1.47 juta bagi projek menaik taraf kemudahan hemodialisis di hospital-hospital Negeri Sarawak, termasuk pembelian mesin hemodialisis di hospital-hospital KKM bagi kegunaan rakyat di Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 49

Y.B. TUAN AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai yang telah membuat tuntutan daripada skim mySalam sejak ia dilancarkan. Berapa banyak tuntutan yang telah dibayar dan berapa jumlahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaannya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta

NO SOALAN : 49

Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

Sehingga 8 Julai 2019, statistik skim mySalam adalah seperti berikut:

JUMLAH TUNTUTAN	PENYAKIT KRITIKAL	FAEDAH HOSPITALISASI
Jumlah tuntutan yang diluluskan	48	560
	RM384,000	RM155,950
Jumlah tuntutan masih dalam proses kelulusan	24	229
	RM192,000	RM59,650

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU
[BARAM]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 50

Y.B. TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk baik pulih/penyenggaraan bekas jalan balak yang telah dibaik pulih oleh Kerajaan terdahulu melalui MARRIS. Nyatakan dasar MARRIS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) disediakan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Asas pemberian dan skop penyelenggaraan adalah dikira berdasarkan Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan dan Garis Panduan MARRIS yang berkuat kuasa.

Kategori jalan yang layak menerima peruntukan MARRIS adalah jalan yang diwartakan sebagai Jalan Negeri seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri iaitu jalan raya negeri, jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, lorong belakang, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan pulau pelancongan. Bagi melayakkan negeri-negeri menerima peruntukan MARRIS, jalan-jalan di negeri masing-masing perlu didaftarkan di dalam Sistem MARRIS Online.

Selaras dengan persetujuan Majlis Kewangan Negara pada 27 Mei 2019, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS ditambah baik antaranya termasuk memperluaskan perbelanjaan yang dibenarkan untuk membiayai penyelenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak didaftarkan di dalam Sistem MARRIS *online* (seperti bekas jalan balak) serta perbelanjaan menaik taraf jalan/jambatan/parit/longkang dengan had tidak melebihi 15% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyelenggaraan tahun sebelumnya atau RM15 juta, yang mana terendah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 51

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini projek jambatan pasir kelang dan bilakah projek ini akan dimulakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jambatan Antara Kampung Pasir Era ke Kampung Pasir Kelang, Kuala Krai, Kelantan telah diluluskan pada RMKe-11, RP-3 tahun 2018. Kerja-kerja ukur tanah dan rekabentuk telah pun siap sepenuhnya.

Walaupun bagaimanapun, projek ini tidak dapat diiklankan bagi tujuan tender memandangkan isu berkaitan pengambilan balik tanah masih belum diselesaikan. Pada masa ini, pihak JKR selaku agensi pelaksana sedang memuktamadkan pindaan pelan pengambilan balik tanah sebelum dikemukakan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk urusan pewartaan oleh Kerajaan Negeri. Projek ini hanya dapat diiklankan bagi tujuan tender setelah selesai keseluruhan urusan pengambilan balik tanah yang dijangka mengambil masa 6 bulan selepas diwartakan.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian akan memohon kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan untuk mempercepatkan urusan pewartaan bagi tanah-tanah yang terlibat dengan projek ini agar projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin. Sekiranya urusan pewartaan dapat diselesaikan pada bulan Julai 2019, pihak kementerian menjangkakan projek ini dapat ditender pada bulan Januari 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua cukai dan perubahan peraturan cukai baru sejak PH memerintah. Berapa kutipan cukai baru itu dalam setahun mengikut kategori dan berapa jenis cukai perkhidmatan yang ada serta jumlah kutipan setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara asasnya sistem percukaian di Malaysia terbahagi kepada dua skop utama iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Bagi cukai langsung, penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Bagi syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, mulai tahun taksiran 2019 kadar cukai syarikat diturunkan daripada 18% kepada 17% ke atas RM500,000 pendapatan cukai yang pertama, dan pendapatan bercukai selebihnya adalah pada kadar 24%;
- b. Pindaan kepada sekatan masa untuk baki kerugian perniagaan dan elaun pelaburan semula ditetapkan hanya boleh dibawa ke hadapan untuk tempoh 7 tahun taksiran sahaja;
- c. Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang mula dilaksanakan pada 3 November 2018 untuk memberi peluang kepada pembayar cukai mengisytiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun luar pesisir (*offshore account*). PKPS menawarkan pengenaan penalti yang lebih rendah iaitu 10% sehingga 30 Jun 2019 dan 15% bermula pada 1 Julai 2019 dan tamat pada 30 September 2019.
- d. Penstrukturan semula kadar duti setem bagi pindah milik harta dengan memperkenalkan banjaran baharu bagi harga atau nilai harta RM1,000,001 dan seterusnya. Kadar duti setem bagi banjaran baharu tersebut adalah seperti berikut dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019:

Harga balasan / nilai pasaran harta (mengikut mana lebih tinggi)	Kadar duti setem baharu
RM100,000 yang pertama	1%
RM100,001 hingga RM500,000	2%
RM500,001 hingga RM1,000,000	3%
RM1,000,001 dan seterusnya	4%

- e. Pengenaan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham syarikat dalam syarikat hartanah dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya seperti berikut:

- i. bagi syarikat, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%;
- ii. bagi selain syarikat dan selain individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 0% kepada 5%; dan
- iii. bagi individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%.

Manakala bagi cukai tidak langsung, penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Mengenakan GST pada kadar 0% bermula 1 Jun 2018 dan memansuhkan pelaksanaan GST pada 1 September 2018;
- b. Melaksanakan cukai jualan dan cukai perkhidmatan bermula 1 September 2018;
- c. Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diimport oleh peniaga (B2B) bermula 1 Januari 2019 dan pengenaan cukai perkhidmatan ke atas produk digital yang diimport oleh pengguna di Malaysia (B2C) bermula 1 Januari 2020;
- d. Pengenaan levi pelepasan ke atas penumpang yang meninggalkan Malaysia dengan menggunakan kapal terbang bermula 1 September 2019;
- e. Pengenaan duti eksais mulai 1 Julai 2019 ke atas dua kategori minuman bergula yang dikilangkan dalam bentuk pembungkusan yang sedia diminum; dan
- f. Peningkatan kadar fi pelesenan, duti dan lain-lain bayaran berkaitan aktiviti perjudian berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Sebagai contoh, lesen kasino dinaikkan daripada RM120 juta setahun kepada RM150 juta setahun manakala duti mesin perjudian dinaikkan daripada kadar 20% atas pungutan kasar kepada 30% atas pungutan kasar.

Bagi tambahan hasil setahun mengikut kategori pengenalan cukai baharu yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2019 seperti di atas, ianya masih belum dapat dimuktamadkan memandangkan ianya baru dilaksanakan dan tempoh pelaksanaannya belum genap setahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 53

Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan audit dan siasatan yang telah dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan jurang cukai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, audit cukai adalah merupakan proses semakan atau pemeriksaan rekod perniagaan dan hal ehwal kewangan pembayar cukai bagi memastikan pendapatan yang sepatutnya dilaporkan adalah dikira dan dibayar mengikut peruntukan perundangan percukaian. Objektif utama audit cukai ialah untuk memastikan pematuhan cukai yang lebih tinggi dicapai di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS).

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan jurang cukai. Pendekatan pematuhan melalui pendidikan (*informed compliance*) dan pematuhan melalui penguatkuasaan (*enforced compliance*) sentiasa digunakan dalam memastikan pihak yang berkenaan bertanggungjawab dalam menjelaskan cukai sekaligus mengurangkan jurang percukaian tersebut.

Di bawah strategi pematuhan melalui pendidikan, JKDM telah menganjurkan 777 Program *Handholding* SST di seluruh Malaysia bermula dari bulan Julai 2018 sehingga bulan Mei 2019. Melalui program ini, maklumat terkini berhubung pelaksanaan SST yang meliputi tanggungjawab pembayar cukai, pengecualian dan kemudahan sedia ada serta perundangan semasa yang berkaitan diperjelaskan kepada pembayar cukai. Program yang dianjurkan ini diharap dapat memberi pendedahan kepada pembayar cukai sekaligus mencapai objektif untuk meningkatkan pematuhan pembayar cukai.

Bagi strategi pematuhan melalui penguatkuasaan pula, JKDM sentiasa menjalankan pengauditan dan siasatan ke atas pembayar cukai yang berisiko. Berdasarkan laporan JKDM bagi tahun 2018, jumlah ketirisan hasil yang dikesan adalah sebanyak RM964 juta. Jumlah ini melibatkan pengauditan yang dijalankan ke atas 6,219 fail. Tindakan penguatkuasaan JKDM ini akan terus dilaksanakan bagi mengesan pihak yang tidak bertanggungjawab dan mengelak daripada membayar cukai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN
BIN YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam tempoh 1 tahun (Jun 2018 sehingga Jun 2019) berapa banyak rumah mampu milik yang telah diluluskan dan dalam proses pembinaan tanpa mengambil kira kelulusan Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Rumah Mampu Milik (RMM) swasta yang telah diluluskan dan dilesenkan di bawah KPKT dari Jun 2018 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:-

Harga Rumah	Unit Diluluskan Lesen	Unit dalam Pembinaan
RM150,000.00 dan ke Bawah	6,559	4,350
RM150,001.00- Rm300,000.00	25,936	12,097
Jumlah Keseluruhan	32,495	16,447

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam tempoh yang sama bagi RMM di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), sebanyak 3 projek baharu telah diluluskan semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2019 pada 2 November 2018 iaitu:
 - (i) PPR Kemaman, Terengganu (250 unit);
 - (ii) PPR Kangar, Perlis (500 unit); dan
 - (iii) Program Perumahan Transit Penjawat Awam Pengerang, Johor (700 unit).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 55

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan berhubung ketiadaan doktor pakar di Hospital Jempol dan kemudahan bilik pembedahan serta pelan untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih baik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Jempol merupakan sebuah hospital tanpa pakar yang dilengkapi dengan 104 buah katil dan sebuah dewan bedah. Bagi menambahbaik pelaksanaan perkhidmatan kesihatan di Hospital Jempol, inisiatif Hospital Kluster telah dilaksanakan melalui pembentukan Hospital Kluster HTAN pada tahun 2016. Hospital Kluster HTAN menggabungkan dua Hospital Tanpa Pakar iaitu Hospital Jempol dan Hospital Tampin sebagai Non Lead Hospital dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah iaitu Hospital Berpakar Major sebagai Lead Hospital.

Yang di-Pertua,

Melalui pelaksanaan Hospital Kluster HTAN ini, penduduk di daerah Jempol mendapat perkhidmatan kepakaran secara terus dan berkala melalui perkhidmatan kepakaran yang disepadukan dan dikordinasikan dengan lebih bersistematik. Perkhidmatan ini merangkumi perkhidmatan perubatan, kecemasan, pembedahan dan sebagainya. Perkhidmatan pembedahan katarak telah dilaksanakan di Hospital Jempol bermula tahun 2018, dan Kementerian dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan pembedahan ortopedik.

Semua pegawai perubatan di bawah konsep hospital kluster termasuk di Hospital Kluster HTAN dipantau oleh Pegawai Perubatan Pakar. Ini bagi memastikan perkhidmatan kesihatan dan rawatan yang diberikan adalah yang terbaik. Melalui pelaksanaan Hospital Kluster HTAN, rakyat di daerah Jempol mendapat perkhidmatan kepakaran yang lebih dekat, lengkap dan bersesuaian dengan keperluan pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 56

TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Klinik Kesihatan Long Napir yang terbengkalai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 6) Long Napir, Limbang telah diluluskan untuk dilaksanakan bermula pada 3 Oktober 2016 dan dijadualkan siap pada 5 Mei 2018. Walau bagaimanapun, projek ini gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 12 Jun 2018.

Projek Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Klinik Kesihatan (Jenis 6) Long Napir, Limbang telah ditender semula pada 16 Mac 2019 dengan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Ogos 2019. Tempoh pembinaan dijangka mengambil masa 15 bulan.

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi Kementerian untuk menangani penyakit Hepatitis C, selepas tempoh "compulsory licensing" berakhir untuk ubat Sofosbuvir iaitu pada Oktober 2020.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hak Kerajaan untuk ubat sofosbuvir generik telah membolehkan Kerajaan menawarkan rawatan kuratif kepada pesakit-pesakit Hepatitis C bermula Mac 2018 pada kos yang mampu dibiayai oleh Kerajaan. Perolehan ubat sofosbuvir yang dibuat melalui kontrak pusat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan berakhir pada 1 Februari 2020.

Perancangan perolehan seterusnya bagi ubat sofosbuvir akan dilaksanakan melalui tender terbuka memandangkan terdapat produk generik di bawah *Voluntary License* yang telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. *Voluntary license* merupakan kebenaran yang diberikan oleh pemegang paten iaitu Gilead Sciences kepada pembuat generik untuk mengilang, mengimport dan mengedarkan ubat versi generik untuk produk yang telah dipatenkan di Malaysia.

Yang di-Pertua,

KKM akan terus komited dalam memastikan jangkitan Hepatitis C dapat dikawal, dicegah dan dirawat serta diberikan penjagaan sewajarnya. Sebanyak lima (5) strategi telah dirangka untuk menangani jangkitan hepatitis C ini meliputi;

1. Advokasi, komunikasi dan mobilisasi sosial di mana aktiviti kesedaran orang awam mengenai Hepatitis C akan terus dipertingkatkan melalui pelbagai kaedah termasuk media sosial dan dengan penglibatan pelbagai pihak termasuk masyarakat dan badan bukan Kerajaan.
2. Menambahbaik kualiti dan liputan pencegahan di mana aktiviti saringan bagi mengesan awal kes Hepatitis C akan terus dipertingkatkan dengan menggunakan kaedah yang lebih murah dan cepat. Dalam masa yang sama, aktiviti pengurangan mudarat turut dimantapkan bukan sahaja untuk menangani jangkitan HIV malahan juga jangkitan Hepatitis C.
3. Meningkatkan akses terhadap diagnostik, rawatan dan jagaan di mana lebih banyak fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia akan dapat memberikan rawatan dan jagaan Hepatitis C. Ini bagi membolehkan lebih ramai pesakit hepatitis C mendapat rawatan dan sembuh daripada jangkitan. Jumlah pesakit Hepatitis C yang telah menerima rawatan di fasiliti KKM dengan ubat Sofosbuvir bermula Mac 2018 sehingga Mei 2019 adalah seramai 2,428 orang. Pada tahun 2019, sebanyak 69 fasiliti KKM dijangka akan merawat pesakit Hepatitis C.
4. Memastikan informasi strategik yang berkualiti disediakan bagi membolehkan ia digunakan oleh pembuat polisi dan perancang dalam merangka tindakan, melaksana, memantau, menilai dan membuat kajian yang berkaitan dalam memantapkan program.

5. Peningkatan pembangunan kapasitas di mana kita akan memastikan sumber tenaga mempunyai berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pengawalan, pencegahan, rawatan dan penjagaan Hepatitis C melalui latihan berterusan dan di masa sama sumber adalah mencukupi.

Yang di-Pertua,

Strategi-strategi ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menghapuskan jangkitan virus Hepatitis C menjelang 2030 sejajar dengan sasaran *Sustainable Development Goals* (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sasaran strategi Sektor Kesihatan Global bagi jangkitan Hepatitis oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 58

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan untuk bina baru dan baik pulih di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) setakat ini daripada kawasan Parlimen Puncak Borneo. Apakah penambahbaikan projek PPRT yang telah dijalankan bagi memastikan penerima projek ini mendiami rumah yang selesa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sumber data penerima Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) diterima oleh Kementerian melalui pelbagai sumber antaranya Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih), Pejabat Daerah, permohonan individu/berkelompok, aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) dan program *Search and Assist* oleh pegawai kementerian serta agensi. Untuk tahun 2019, jumlah permohonan yang diterima dari Parlimen Puncak Borneo adalah sebanyak 77 unit bina baharu dan 74 unit baik pulih.

Senarai permohonan bantuan yang telah diperakukan oleh Pejabat Daerah akan dipertimbang dan diluluskan oleh Kementerian berdasarkan kepada kuota dan peruntukan tahun semasa dengan keutamaan kepada penerima dalam senarai e-Kasih. Untuk tahun 2019, sebanyak 6 unit Bina Baharu dan 36 Baik Pulih rumah telah diperuntukkan bagi Parlimen Puncak Borneo.

Sebagai langkah penambahbaikan pelaksanaan, Kementerian pada tahun ini telah mula melaksanakan pembinaan rumah bina baharu PPRT menggunakan kaedah *Industrialised Building System (IBS)*. Kementerian yakin melalui kaedah ini, penerima bantuan akan dapat menduduki rumah baharu dalam tempoh masa yang lebih cepat kerana kaedah IBS boleh menjimatkan masa pembinaan tanpa menjejaskan kualiti rumah dan seterusnya memberikan suasana yang selesa dan selamat kepada penerima bantuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tarikh terkini projek pembinaan Balai Bomba Daerah Pitas akan dapat disiapkan sepenuhnya. Apakah tindakan yang dilakukan kerajaan di dalam memastikan projek ini siap dan sempurna kerana pada hemat saya projek ini kelihatannya seperti projek sakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Balai Bomba dan Penyelamat Pitas telah diluluskan dalam RMKe-10 Rolling Plan Kelima (RP5) Tahun 2015. Pada masa ini, status kemajuan pembinaan Balai Bomba Pitas adalah 91%.
2. Projek Balai Bomba dan Penyelamat Pitas ini telah mengalami kelewatan disebabkan kelemahan pengurusan di pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, projek ini dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada bulan September 2019 dan dijangka beroperasi pada bulan Oktober 2019. Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
KAWASAN : LEMBAH PANTAI
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi serta memudahkan proses pendaftaran bagi menggalakkan lebih banyak syarikat yang berkebolehan untuk mengambil bahagian dalam industri ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewajipan untuk berdaftar sebagai kontraktor yang melaksanakan kerja pembinaan telah dijelaskan di dalam Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994, Pindaan 2011).

Pelaksanaan urusan pendaftaran kontraktor di CIDB adalah berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor 1994 yang digazetkan serta garis panduan yang mengandungi syarat serta kriteria untuk berdaftar. Komponen dalam pendaftaran CIDB terdiri daripada Gred, Kategori dan Pengkhususan. CIDB mendaftar kontraktor mengikut keupayaan serta kemampuan kontraktor yang dinilai dari segi kewangan dan personel teknikal dan ianya akan diklasifikasikan kepada 7 gred pendaftaran iaitu gred G1 sehingga G7 serta ditempatkan dalam kategori B (Bangunan), CE (Kejuruteraan Awam), M&E (Mekanikal & Elektrikal) serta FM (Kerja Fasiliti).

Bermula pada tahun 2016, CIDB turut melaksanakan dasar Kerajaan supaya menerapkan konsep 'ease of doing business' dalam urusan pendaftaran kontraktor dengan membuat *process reengineering* ke atas syarat serta prosedur sedia ada di mana 13 syarat pendaftaran sedia ada telah dimudahkan menjadi 8 syarat. Selari dengan konsep tersebut, CIDB juga telah membuat transformasi digital pada tahun 2017 dengan memperkenalkan pendaftaran secara atas talian secara menyeluruh dan aplikasi ini ternyata memberi impak yang besar kepada industri kerana proses pendaftaran sebelum ini yang mengambil masa selama 10 hari bekerja dapat disingkatkan kepada 2 hari bekerja sahaja.

CIDB dari masa ke semasa sentiasa melaksanakan penambahbaikan sebagaimana yang dinyatakan di atas bertujuan untuk membantu serta memudahkan syarikat atau bakal-bakal kontraktor yang berminat serta berkemampuan untuk berkecimpung dalam industri pembinaan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 61

Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah tuntutan mySalam berserta perincian yang telah dibayar sehingga 31 Mei 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.8 juta individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful untuk 3.8 juta sijil diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun. Sehubungan ini, tiada peruntukan tambahan diperlukan dalam tahun 2019.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Tumpuan kepada umur 18 hingga 55 tahun adalah untuk memberi fokus kepada beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (*breadwinner*) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal. Kerajaan mengambil maklum bahawa risiko penyakit kritikal boleh meningkat dengan ketara pada usia yang lebih tua untuk penyakit tertentu seperti Parkinson. Namun bagi 36 penyakit kritikal di bawah Skim mySalam, ianya meliputi penyakit kritikal utama yang dialami rakyat Malaysia yang kebiasaanya menyerang mereka yang berumur 18 hingga 55 tahun, seperti kanser.

Sebagai permulaan, Skim ini akan ditawarkan melalui Great Eastern Takaful Berhad (GETB), pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan mereka yang dilindungi di bawah mySalam adalah individu yang benar-benar layak, GETB menggunakan data BSH yang diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Data mySalam tersebut adalah tertakluk di bawah Akta

NO SOALAN : 61

Perlindungan Data Peribadi 2010 / Akta Rahsia Rasmi 1972 dan hanya digunakan untuk tujuan Skim ini seperti yang diperincikan oleh Kerajaan.

Sehingga 8 Julai 2019, statistik skim mySalam adalah seperti berikut:

JUMLAH TUNTUTAN	PENYAKIT KRITIKAL	FAEDAH HOSPITALISASI
Jumlah tuntutan yang diluluskan	48	560
	RM384,000	RM155,950
Jumlah tuntutan masih dalam proses kelulusan	24	229
	RM192,000	RM59,650

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 62

Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana membetulkan keadaan pengagihan Marris Fund yang tidak seimbang, terutamanya Sabah dan Sarawak yang mempunyai jumlah jalan yang lebih pendek apabila berbanding dengan Semenanjung, Sabah dan Sarawak memerlukan dana yang lebih banyak untuk memyelenggara dan membina jalan baru. Nyatakan jumlah pengagihan Marris Fund sejak 2015 mengikut tahun dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) disediakan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan dikira mengikut Peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Ia bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan raya negeri jalan raya bandaran, jalan kawasan perumahan kos rendah, lorong belakang, jalan kampung, jalan pertanian dan jalan pulau pelancongan. Bagi melayakkan negeri-negeri menerima peruntukan MARRIS, jalan-jalan di negeri masing-masing perlu didaftarkan di dalam Sistem MARRIS Online.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Pemberian MARRIS disalurkan terus kepada Akaun Amanah Penyelenggaran Jalan Negeri Sarawak dan Sabah. Kuasa mengagihkan peruntukan MARRIS di peringkat negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Selaras dengan persetujuan Majlis Kewangan Negara pada 27 Mei 2019, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian MARRIS ditambah baik antaranya termasuk memperluaskan perbelanjaan yang dibenarkan untuk membiayai penyelenggaraan jalan yang tidak mencapai piawaian minimum JKR dan tidak didaftarkan di dalam Sistem MARRIS *online* serta perbelanjaan menaik taraf jalan/jambatan/parit/longkang dengan had tidak melebihi 15% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyelenggaraan tahun sebelumnya atau RM15 juta, yang mana terendah.

Peruntukan MARRIS yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sarawak dan Sabah pada 2018 adalah masing-masing berjumlah RM872.5juta dan RM636.1 juta. Bagi tahun 2019 (sehingga bulan 30 April) peruntukan sebanyak RM290.8 juta telah disalurkan kepada Negeri Sarawak, manakala bagi Negeri Sabah sebanyak RM212.2 juta. Kerajaan Negeri Sarawak

NO SOALAN : 62

adalah penerima terbanyak diikuti dengan Kerajaan Negeri Sabah kedua terbanyak penerima Pemberian MARRIS.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 11.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 63

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf ke jalan *asphalt* bagi jalan Rosob-Dandun (6km) dan jalan Solimpodon-Mantus (6km) memandangkan jalan ini merupakan jalan utama bagi penduduk kampung yang berada di sepanjang jajaran jalan-jalan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek Naiktaraf Jalan Rosob Dandun, Pitas, Sabah dan Projek Naiktaraf Jalan Kg. Solimpodon Darat Mantus, Pitas, Sabah tidak tersenarai dalam kelulusan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, RMKe-11. Walau bagaimanapun, projek ini telah tersenarai dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri dan kementerian ini akan mengangkat semula permohonan bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12). Kelulusan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi mengatasi projek perumahan yang terbengkalai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah serta membantu para pembeli projek perumahan swasta terbengkalai seperti berikut:
 - (i) Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT akan mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman (*white knight*) untuk mengambil alih projek perumahan swasta terbengkalai dan seterusnya menjalankan proses pemulihan;

- (ii) Melaksanakan pemulihan projek-projek perumahan swasta terbengkalai terutamanya kategori kos rendah dan kos sederhana rendah melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung kos tambahan pemulihan projek-projek tersebut. Dari tahun 2009 hingga 30 Mei 2019, sebanyak RM219.793 juta telah dibelanjakan bagi menampung kos pemulihan 32 projek perumahan terbengkalai yang memanfaatkan seramai 5,079 orang pembeli rumah;
- (iii) Mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118];
- (iv) Kementerian juga mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai, terlibat dengan projek sakit, gagal membayar kompaun, ingkar award Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan pemaju-pemaju perumahan tanpa lesen. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan dan jualan sedia ada. Senarai pemaju-pemaju yang disenarai hitam juga akan dipaparkan dalam laman sesawang KPKT untuk rujukan pembeli dan *stakeholders* yang lain;
- (v) Bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia/ pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai. KPKT bertindak sebagai pemudah cara atau mediator bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta pihak pembiaya (institusi kewangan);

(vi) KPKT juga telah membuat pindaan kepada Akta 118 yang telah dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta 318) bermula 1 Jun 2015. Pindaan kepada Akta 118 dan peraturan-peraturan adalah seperti berikut:-

(a) **Seksyen 3:**

Tafsiran pemaju perumahan merangkumi pihak pelikuidasi dan pegawai penerima.

(b) **Seksyen 6:**

Deposit lesen pemajuan perumahan dipinda dari RM200,000.00 kepada 3% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran professional tetapi tidak termasuk kos tanah.

(c) **Seksyen 7B:**

Bagi maksud seksyen 7, 8, 8A, 11 dan 12, pemaju perumahan berlesen termasuk mana-mana pemaju perumahan yang lesennya telah tamat.

(d) **Seksyen 8:**

Pembeli boleh secara individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama 6 bulan atau lebih selepas perjanjian ditandatangani **dengan syarat** perlu mendapat perakuan daripada Pengawal Perumahan dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya.

- (e) **Subseksyen 16AD(1) [Tribunal bagi tuntutan pembeli rumah:**
Kadar penalti dinaikkan kepada tidak kurang daripada RM10,000.00 tetapi hendaklah tidak melebihi RM50,000.00.
 - (f) **Subseksyen 24(2)(g) [Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan]:**
Menaikkan kadar penalti maksimum bagi kesalahan di bawah peraturan daripada RM20,000.00 kepada RM50,000.00.
 - (g) **Seksyen 18A (Fasal Baru):**
Tindakan pendakwaan terhadap pemaju perumahan berlesen yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai.
2. Bagi membantu meringankan beban para pembeli yang terbabit dengan projek perumahan swasta terbengkalai, Kementerian turut mengambil inisiatif seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan surat pengesahan projek perumahan swasta terbengkalai kepada pembiaya akhir (*end-financier*) bagi unit rumah berkaitan;
 - (ii) Melalui surat pengesahan ini, para pembeli boleh mendapatkan kemudahan-kemudahan seperti berikut:
 - (a) Memohon pertimbangan daripada institusi perbankan bagi sebarang permohonan pengurangan kadar faedah dan penstrukturan semula pinjaman perumahan;

- (b) Memohon pertimbangan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi permohonan pengeluaran kali kedua;
- (c) Bagi pembeli yang membuat pinjaman perumahan Kerajaan pula, mereka boleh mendapatkan kemudahan sama ada pertimbangan untuk:
 - Membatalkan pinjaman sedia ada dan diberi peluang untuk memohon pinjaman baharu iaitu pinjaman penuh seperti pinjaman pada kali pertama; atau
 - Diberi pertimbangan untuk pengecualian pengenaan faedah pinjaman pada (4%) sepanjang tempoh projek dipulihkan atau selama 5 tahun (mana-mana yang terdahulu).

Walau bagaimanapun, semua perkara di atas adalah tertakluk kepada penilaian institusi pembiayaan ke atas peminjam-peminjam berdasarkan merit setiap kes.

- (iii) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan juga telah melanjutkan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik kepada pembeli asal projek perumahan swasta terbengkalai untuk tempoh 3 tahun lagi sehingga 31 Disember 2020. Inisiatif ini telah diperkenalkan sejak tahun 2013 bagi membantu meringankan bebanan para pembeli yang terbabit dengan projek perumahan swasta terbengkalai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 65

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (KK3) Serian, Sarawak akan dimulakan, sedangkan tapak tanah telah pun disediakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Serian telah diluluskan dan dilaksanakan secara dua (2) Fasa. Fasa Pertama (1) yang melibatkan Kerja Tanah telah bermula pada 1 Disember 2016 dan Siap Sepenuhnya pada 20 Julai 2017. Fasa Kedua (2) yang melibatkan Kerja Bangunan pula akan ditender pada Julai 2019 dengan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan pada Disember 2019. Tempoh pembinaan dijangka mengambil masa 24 bulan. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 66

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah bantuan yang disediakan Kerajaan kepada mereka yang gagal meneruskan langganan pelaburan insurans untuk tempoh 10 tahun seperti dalam perjanjian awal langganan kerana masalah kewangan; dan
- (b) adakah mereka akan mendapat hak mereka dari tempoh pelaburan insurans yang telah dibayar dan apakah proses tuntutan yang perlu dilakukan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam situasi di mana pemegang polisi tidak mampu membayar premium polisi kerana menghadapi masalah kewangan, syarikat insurans akan memberi pinjaman premium secara automatik untuk pembayaran premium tertunggak sekiranya polisi insurans mempunyai nilai tunai ("cash value") yang mencukupi. Ini adalah bagi memastikan polisi insurans hayat tersebut tidak luput untuk mengelak sebarang kemudaratan kepada pemegang polisi. Terma ini dinyatakan dalam kontrak polisi insurans hayat.
2. Pemegang polisi yang menghadapi masalah kewangan yang lebih serius, perlu mendapatkan nasihat syarikat insurans atau agennya terlebih dahulu. Pemegang polisi mempunyai dua pilihan berikut:
 - a. Menukar polisinya kepada polisi insurans bertempoh yang dipanjangkan tempohnya ("extended term insurance") di mana jumlah yang diinsuranskan adalah sama seperti polisi asal. Tempoh perlindungan polisi baharu adalah bergantung kepada nilai serahan yang ada dan pemegang polisi tidak perlu lagi membayar premium; atau
 - b. Menamatkan polisinya dan mendapatkan nilai serahan tetapi nilai serahan biasanya kurang daripada amaun premium yang telah dibayar. Dengan wang nilai serahan ini, pemegang polisi boleh membuat pertimbangan untuk membeli produk Perlindungan Tenang dengan premium yang lebih rendah iaitu di antara RM5 hingga RM13 sebulan untuk jumlah perlindungan antara RM15,000 hingga RM33,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan balai bomba kategori E yang akan dibina di Sabah dan Sarawak serta bilakah balai bomba tersebut dijangkakan mula beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Risiko Kebakaran (*Fire Cover*) yang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), keperluan balai bomba kategori E di negeri Sarawak adalah sebanyak 108 buah manakala di Sabah adalah sebanyak 81 buah.

2. Pada tahun ini, KPKT mensasarkan pembinaan 2 projek balai bomba kategori E iaitu di kawasan penempatan Rumah Panjang Sungai Asap, Sarawak dan di penempatan Kampung Air di Semporna, Sabah. Kedua-dua projek tersebut kini dalam proses perolehan dan penyediaan dokumen sebut harga. Kerja-kerja awalan di tapak dijangka bermula pada bulan Ogos 2019. Tempoh pembinaan balai bomba kategori E adalah 12 bulan dan dijangka beroperasi pada penghujung tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN
[KENINGAU]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 68

Y.B. DATUK DR. JEFFREY KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Artikel 112c(2) yang mana ianya memperuntukkan bahawa hasil-hasil tertentu Sabah dan Sarawak berhak menerima di bawah Bahagian V Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan hendaklah tidak dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan (*Consolidated Fund*) dan membayarnya kepada Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Persekutuan akan sentiasa cuba memenuhi tuntutan dan hak Kerajaan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, ia tertakluk kepada kemampuan dan kedudukan hasil Kerajaan. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau mempengerusikan Majlis Kewangan Negara pada 7 Jun 2018.

Untuk itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa telah memulakan rundingan pada bulan Disember 2018 dan dijangka melengkapkan Laporan Akhir pada bulan Julai 2019. Skop kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan yang mana Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi memastikan semua pihak mendapat keadilan seperti yang diperuntukkan di sisi undang-undang negara demi menegakkan kedaulatan undang-undang atau “rule of law” di negara kita. Isu ketidakseimbangan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berbanding negeri Sabah dan Sarawak akan dapat diberikan penekanan yang lebih serius.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 69

Y.B. DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah syarikat yang masih tidak berdaftar dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sehingga Mei 2019 dan apakah langkah untuk membendung gejala ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat yang berdaftar di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan bagi tempoh sehingga 3 Julai 2019 adalah sebanyak **71,863**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **22,724** adalah berdaftar di bawah cukai jualan manakala sebanyak **49,139** adalah berdaftar di bawah cukai perkhidmatan. Jumlah ini adalah lebih tinggi daripada jangkaan jumlah pendaftaran semasa awal pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan, iaitu sebanyak 70,000 perniagaan.

Secara perbandingan, jumlah pendaftaran di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah lebih rendah berbanding jumlah pendaftaran di bawah GST iaitu sebanyak 472,000. Ini disebabkan model cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang mana cukai hanya dikenakan pada satu peringkat iaitu di peringkat pengimport/pengilang bagi cukai jualan dan di peringkat penyedia perkhidmatan bagi cukai perkhidmatan. Manakala GST dikenakan di setiap peringkat rantai pembekalan.

Bagi membendung masalah peniaga tidak berdaftar, di peringkat awal pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melaksanakan pendaftaran secara automatik berdasarkan maklumat syarikat yang terdapat di dalam sistem MyGST. Langkah ini diambil bagi memastikan proses pendaftaran syarikat dapat berjalan lancar dan disebabkan *lead time* yang terlalu pendek bagi tujuan persiapan untuk melaksanakan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Selain itu, tindakan penguatkuasaan juga boleh diambil ke atas peniaga yang telah menepati syarat untuk berdaftar tetapi tidak berdaftar di bawah cukai jualan berdasarkan Seksyen 12, Akta Cukai Jualan 2018 dan cukai perkhidmatan berdasarkan Seksyen 12 Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Mana-mana peniaga yang gagal berdaftar di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan menghadkan kelulusan pembinaan rumah-rumah kedai yang didapati terlalu banyak kosong dan menjadi sasaran pencurian bahan-bahan struktur bangunan dan sasaran penagih-penagih seperti di Tangga Batu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai dasar khusus mengenai kawalan terhadap pembangunan rumah-rumah kedai di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana Kelulusan perancangan pembangunan rumah kedai adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri disaran agar memastikan permintaan dan penawaran rumah-rumah kedai diambil kira sebelum sesuatu pemajuan pembangunan rumah kedai diluluskan. Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI
KAWASAN : KUALA NERUS
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek pembesaran Jambatan Buluh Gading daripada dua lorong menjadi empat lorong.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop menaiktaraf Jambatan Buluh Gading adalah sebahagian dari skop projek Menaiktaraf Jalan FT03, Dari Kampung Pulau Rusa Ke Bulatan Batu Enam Ke Persimpangan Laluan FT065 Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, Terengganu. Projek ini telah dipohon di bawah program Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan status perlaksanaan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 72

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 di mana dalam persidangan dewan yang lepas YB. Menteri telah bersetuju untuk meneruskan pembinaan hospital ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, projek pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan sebelum ini dalam Rancangan Malaysia Ke-11 telah dibatalkan pelaksanaannya oleh Kerajaan. Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengemukakan permohonan semula projek ini dalam RMK 12. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada dasarnya bersetuju untuk menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja awalan dalam tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 73

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah punca harga rumah di Malaysia terlalu tinggi dan boleh dikatakan sangat tidak mampu milik sedangkan penawaran rumah melebihi permintaan. Apakah perancangan Kementerian bagi menangani isu harga rumah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya, **peningkatan harga rumah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah harga tanah, kos bahan binaan, kos bahan mentah, kos pematuhan seperti caj premium tanah, caj sumbangan utiliti yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan utiliti serta kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.**
2. Antara usaha yang telah diambil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menangani isu harga rumah adalah:-

- i. Bagi pembeli rumah pertama bernilai sehingga RM500,000, Kerajaan akan memberi pengecualian duti setem sehingga RM300,000 yang pertama ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi tempoh 2 tahun iaitu sehingga Disember 2020;
- ii. Kerajaan juga telah mengumumkan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah pertama, berharga antara RM300,001 sehingga RM1 juta berkuat kuasa bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Januari 2019 melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC). Melalui kempen HOC ini juga pemaju akan menawarkan potongan diskaun 10% ke atas harga hartanah kediaman projek sedia ada;
- iii. Kerajaan juga telah mengumumkan pengecualian SST bagi perkhidmatan pembinaan dan bahan binaan. Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) juga telah bersetuju untuk mengurangkan 10% harga rumah untuk projek baharu bagi unit rumah yang tidak tertakluk kepada kawalan harga;
- iv. Kerjasama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) supaya kaedah pembinaan melalui Sistem Bangunan Industri atau *Industrialised Building System (IBS)* ditambah baik agar kos pembinaan dapat dikurangkan dengan tidak mengabaikan standard kualiti perumahan;
- v. Penetapan kategori harga rumah berdasarkan pendapatan mengikut kawasan iaitu bandar dan luar bandar serta jenis rumah; dan
- vi. Sasaran penyediaan 1 juta rumah mampu milik (RMM) dalam tempoh 10 tahun 2018 - 2028.

3. Selain itu, langkah sedia ada bagi mengekang kenaikan harga rumah akan terus dilaksanakan antaranya:

- i. Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- ii. Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;
- iii. Kerajaan akan memperkemas Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya, seperti berikut:
 - a) Bagi syarikat, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%; dan
 - b) Bagi individu warganegara dan penduduk tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 0% kepada 5%. Walau bagaimanapun, CKHT dikecualikan atas harga hartanah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah mampu milik di bawah RM200,000.
 - c) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM 1 Juta seunit;
 - d) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan

- e) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan to Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri.

4. Selain itu, KPKT juga sedang mengadakan konsultasi dan perbincangan berterusan bersama pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk mengkaji dan menetapkan kaedah terbaik supaya pelaksanaan projek perumahan terutamanya projek rumah mampu milik dapat diberikan kelulusan atau pengecualian khas seperti:-

- i. pengurangan caj premium tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
- ii. penyediaan tapak yang strategik oleh pihak Kerajaan Negeri bagi pembinaan rumah mampu milik; dan
- iii. pengecualian atau pengurangan caj sumbangan utiliti, di mana pembekal perkhidmatan utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Air Negeri, syarikat-syarikat telekomunikasi dan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menyediakan sendiri kemudahan utiliti di kawasan perumahan tersebut.

5. Usaha ini diharapkan dapat membantu mengurangkan kos pembangunan projek perumahan dan secara tidak langsung menurunkan harga rumah di pasaran yang seterusnya dapat membantu Kerajaan dan pihak pemaju perumahan swasta untuk meningkatkan lagi penawaran rumah terutamanya rumah mampu milik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 74

Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan terhadap sama ada tindakan Amerika Syarikat yang meletakkan Malaysia ke dalam senarai pemantauan bagi potensi manipulator mata wang akan melemahkan lagi nilai mata wang ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 28 Mei 2019, Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) telah mengumumkan hasil laporan Senarai Pemantauan Negara Manipulator Mata Wang (*Currency Manipulation Watchlist*). Pemantauan ini dilakukan bagi mengenal pasti rakan dagang AS yang memanipulasi mata wang.
2. Mana-mana negara yang mempunyai jumlah dagangan melebihi USD40 bilion setahun dengan Amerika Syarikat akan diperiksa oleh Perbendaharaan AS untuk penelitian lanjut. Terdapat 21 negara yang memenuhi syarat tersebut, termasuk Malaysia. Daripada 21 negara tersebut, semua negara yang memenuhi 2 daripada 3 syarat lain akan dimasukkan dalam Senarai Pemantauan Perbendaharaan Amerika Syarikat, dan ini termasuklah Malaysia. Sesebuah negara hanya akan dinamakan sebagai manipulator mata wang jika ia memenuhi tiga syarat yang ditetapkan.
3. Perlu ditegaskan bahawa walaupun disenaraikan dalam *Currency Manipulation Watchlist*, Malaysia tidak dilabel oleh AS sebagai negara yang memanipulasi mata wang. Malah sebenarnya, kemasukan Malaysia dalam senarai tersebut bersama dengan negara-negara pedagang utama dunia yang lain seperti Jepun, Jerman, Korea Selatan dan Singapura hanya menonjolkan kekukuhan negara serta peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam ekonomi dunia.
4. Malaysia dimasukkan dalam Senarai Pemantauan tersebut di atas dua faktor. Pertama, Malaysia mempunyai lebih dagangan dengan Amerika Syarikat melebihi USD20 bilion setahun. Kedua, Malaysia mempunyai lebih akaun semasa yang sihat melebihi 2% berbanding KDNK.
5. Kedua-dua faktor ini hanya menonjolkan daya saing ekonomi Malaysia dan bukannya bukti berlakunya manipulasi mata wang. Tambahan lagi, kita dapat

membuktikan daya saing Malaysia dengan melihat prestasi Malaysia dalam Indeks *Doing Business 2019* oleh Bank Dunia dan laporan *World Competitiveness Ranking 2019* oleh IMD. Dalam laporan Bank Dunia, kedudukan Malaysia telah meningkat 9 anak tangga kepada tempat ke-15 berbanding tempat ke-24 pada tahun sebelumnya. Dalam laporan IMD pula, Malaysia merupakan negara yang ke-22 paling berdaya saing di dunia, mengekalkan kedudukan yang sama seperti tahun lalu.

6. Malaysia tidak memenuhi syarat ketiga. Seperti yang diperakui dalam laporan Perbendaharaan AS, Malaysia tidak campur tangan dalam pasaran pertukaran mata wang asing dengan tujuan melemahkan nilai ringgit. Oleh itu, Malaysia tidak digelarkan sebagai manipulator mata wang. Tambahan lagi, Bank Negara Malaysia telah menekankan bahawa Malaysia menerima pakai rejim kadar pertukaran terapung dan sebarang intervensi yang dilakukan adalah bagi mengelakkan daripada berlakunya perubahan kadar pertukaran yang keterlaluan. Oleh itu, penyenaraian tersebut tidak membawa kesan kepada Malaysia, dan tiada denda atau sekatan ekonomi akan dikenakan terhadap Malaysia.

7. Malaysia akan terus mengukuhkan daya saingnya secara adil melalui penggunaan teknologi terbaharu, pelaburan infrastruktur, meningkatkan ketelusan, dan memudahkan proses kerajaan dan perniagaan, sambil menggalakkan perdagangan bebas di rantau Asia dan di seluruh dunia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 75

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan dan "roadmap" untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan di Hospital Taiping dan klinik-klinik kesihatan di daerah Larut Matang dan Selama.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Taiping telah melalui beberapa fasa pembangunan bermula dengan RMK-10 dengan pembinaan *Clinical Service Block* (dengan izin) yang merangkumi pembinaan Dewan Bedah, Unit Rawatan Jantung (CCU), Unit Rawatan Rapi (ICU), dan *Special Care Nursery* (dengan izin). Projek ini telah siap dan mula beroperasi pada tahun 2014 dengan menelan belanja sebanyak RM 207,820,193.00.

Seterusnya, Projek Naiktaraf Blok A & B di bawah RMK-11 yang meliputi Wad Lelaki dan Wanita, Wad Geriatrik, Wad Pediatrik, Wad HDU, ICU dan Farmasi Satelit telah dilaksanakan di bawah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM dengan kos melebihi RM22 juta. Projek tersebut telah bermula pada tahun 2016 dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

Perancangan jangka panjang KKM yang seterusnya bagi Hospital Taiping adalah untuk membina Stor Farmasi Logistik beserta

komponen *Cytotoxic Drug Reconstitution* (dengan izin) dan *Total Parenteral Nutrition* (dengan izin), yang akan dipohon di bawah RMK 12. Selain itu, bagi klinik kesihatan di daerah Larut Matang dan Selama, cadangan untuk membina blok tambahan di Klinik Kesihatan Batu Kurau juga akan dipohon di bawah RMK-12.

Yang di-Pertua,

Hospital Taiping merupakan Hospital Pakar Major dan mengikut perancangan dalam RMK-11, perkhidmatan kepakaran endokrin, gastroenterologi, dermatologi dan hematologi dirancang untuk diperkembangan di hospital tersebut menjelang tahun 2020. Perkembangan perkhidmatan kepakaran bagi Hospital Taiping akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambilkira keperluan dan bilangan pakar perubatan yang sedia ada yang mencukupi bagi penyediaan perkhidmatan kepakaran tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melaksanakan inisiatif Hospital Kluster bagi menambahbaik perkhidmatan kesihatan di Hospital Taiping Hospital dan daerah Larut Matang dan Selama. Inisiatif ini dilaksanakan dengan menggabungkan hospital-hospital KKM di kawasan geografi yang sama dengan sekurang-kurangnya satu Hospital Berpakar bagi membentuk Hospital Kluster.

Sehubungan itu, hospital-hospital di Zon Utara negeri Perak telah mula melaksanakan inisiatif Hospital Kluster melalui pembentukan Hospital Kluster Perak Utara pada tahun 2017. Hospital Taiping merupakan Lead Hospital bagi Hospital Kluster Perak Utara, manakala Hospital Selama, Hospital Parit Buntar, Hospital Kuala Kangsar dan Hospital Gerik merupakan hospital Non Lead. Melalui pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien, cekap dan berkualiti dapat dilaksanakan terutama di hospital-hospital tanpa pakar. Sumber-sumber seperti sumber manusia, kepakaran, fasiliti, peralatan, kewangan dan lain-lain dapat dikongsi dan dioptimumkan penggunaannya di semua hospital yang terlibat di dalam Hospital Kluster Perak Utara. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN
BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status kajian '*due diligence* terhadap PR1MA yang dijadualkan siap pada Jun, 2019. Apa keputusan muktamad pihak Kerajaan mengenai PR1MA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kini masih dalam proses kajian '*due diligence*' terhadap PR1MA. Laporan penuh dijangka siap dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 77

DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kita masih mendahului atau berada di belakang negara Thailand dan Sri Lanka dalam 'ranking' index HAQ (Health Access And Quality) dan apakah usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mendahului negara-negara di rantau Asia ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Health Access And Quality (HAQ) (dengan izin) adalah kajian yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak melalui *Health Care Access And Quality Collaborator* (dengan izin) yang terdiri daripada wakil dari 195 negara termasuk Malaysia. Kajian ini menggunakan data kematian 32 penyakit yang boleh dicegah sebagai proksi untuk mengukur tahap akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan.

HAQ index menunjukkan bahawa Malaysia berada di belakang negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Sri Lanka. Walaubagaimanapun, Malaysia menunjukkan trend kemajuan dari sudut pencapaian indeks di mana kita mencapai indeks 54.2 pada tahun 1990, kemudian meningkat kepada 60.3 pada tahun 2000. Pada tahun 2015, pengukuran berdasarkan data Bebanan Penyakit Global 2015 menunjukkan peningkatan indeks kepada 66.6.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan khususnya melibatkan penyakit-penyakit yang boleh dicegah dan secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian Indeks HAQ kita pada masa akan datang. Ini termasuklah mengukuhkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan primer dengan menekankan aspek pencegahan. Antaranya inisiatif Enhance Primary Health Care serta pelaksanaan Skim Perlindungan Kesihatan bagi golongan B40 (PeKa B40) untuk meningkatkan aktiviti saringan penyakit tidak berjangkit.

Program pemerkasaan komuniti yang lebih tersusun dan agresif dilaksanakan dengan melibatkan agensi Kerajaan, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti KOSPEN (Komuniti Sihat Pembina Negara) dan COMBI (*Communication for Behavioral Impact*). Pemimpin komuniti dan NGO dilatih untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam mempromosikan gaya hidup sihat dalam masyarakat.

Untuk meningkat akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan secara terus, KKM telah menyediakan rangkaian perkhidmatan kesihatan yang lebih hampir dengan orang ramai, antaranya melalui pengukuhan Klinik Komuniti, perkhidmatan penjagaan domisiliari serta pengwujudan lebih banyak pasukan kesihatan bergerak. Selain itu, KKM telah melaksanakan konsep hospital kluster bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran untuk memenuhi keperluan pesakit dan perkongsian sumber sediada di antara hospital pakar dan bukan pakar.

KKM bekerjasama dengan pelbagai Kementerian/ agensi lain serta sektor swasta dalam pelbagai usaha kolaborasi demi memperluaskan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui perkongsian sumber-sumber kesihatan yang sedia ada. Kerjasama antara KKM dan Majlis Agama Islam Negeri akan diperluas dengan mengambil contoh *Pusat Pembedahan Katarak* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP) bersama Hospital Selayang dan *Pusat Bersalin Berisiko Rendah* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bersama Hospital Putrajaya .

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGAH]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 78

Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan pengecualian "stamp duty" untuk membantu rakyat mengurangkan bebanan kali pertama untuk membeli rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Belanjawan 2019, Kerajaan telah mengumumkan insentif dalam bentuk pengecualian duti setem kepada rakyat Malaysia yang belum pernah memiliki rumah kediaman. Pengecualian duti setem yang diberikan bertujuan untuk mengurangkan kos pemilikan rumah kediaman dan seterusnya menggalakkan pembelian rumah pertama di kalangan rakyat Malaysia.

Insentif dalam bentuk pengecualian duti setem adalah seperti berikut:

- a. Pengecualian duti setem 100% ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga sehingga RM300,000. Pengecualian ini berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020;
- b. Pengecualian duti setem 100% terhad ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 dan RM1 juta daripada mana-mana pemaaju perumahan bagi tempoh 6 bulan sahaja. Pengecualian ini berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019; dan
- c. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian sebuah rumah kediaman pertama yang berharga di antara RM300,001 dan RM500,000. Pengecualian duti setem 100% diberikan terhad kepada RM300,000 pertama harga rumah tersebut. Baki selebihnya daripada harga rumah tersebut adalah tertakluk kepada kadar duti setem semasa. Pengecualian ini berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2019.

NO SOALAN : 78

Pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama di atas telah pun dilaksanakan melalui pewartaan 5 perundangan subsidiari iaitu seperti berikut:

- a. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.6) 2018 - P.U(A) 377
- b. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.4) 2018 - P.U(A) 321
- c. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.7) 2018 - P.U(A) 378
- d. Perintah Duti Setem (Peremitan) 2018 - P.U(A) 320
- e. Perintah Duti Setem (Peremitan) 2019 - P.U.(A) 49

Tuntutan pengecualian duti setem boleh dibuat kepada semua Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 79

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah mengawal kebakaran yang telah dirancang oleh Kementerian di kawasan Pulau Bruit memandangkan kawasan tersebut terletak agak jauh dari balai bomba di Bandar Baru Tanjong Manis yang berhampiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai 1 Jun 2019, kawasan Pulau Buit mendapat perlindungan kebombaan dari Balai Bomba dan Penyelamat Daro dengan jarak perjalanan sejauh 15 kilometer. Pada masa yang sama kawasan ini juga mendapat bantuan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Manis dengan jarak perjalanan sejauh 40 kilometer.
2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menubuhkan sebuah Pasukan Bomba Sukarela di Pulau Buit yang berupaya memendekkan masa bertindak (*response time*). Seramai 20 ahli Pasukan Bomba Sukarela sedang menjalani latihan pemadaman dan penyelamatan di bawah penyeliaan JBPM Negeri Sarawak.
3. Pasukan Bomba Sukarela akan dibekalkan dengan kelengkapan kebombaan seperti *Personal Protective Equipment* (PPE) pada tahun ini tertakluk kepada peruntukan semasa bagi membolehkan Pasukan Bomba Sukarela Pulau Buit dapat beroperasi pada tahap yang optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN
A/L M PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 80

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian ingin memastikan penduduk bertaraf peneroka bandar atau yang menduduki sesuatu kawasan tanpa status sah untuk membeli rumah baru apabila tanah yang mereka duduki ingin diambil semula oleh Kerajaan jika mereka tidak mampu menyediakan dokumen bagi pinjaman bank atau mereka yang mempunyai rekod perbankan yang tidak baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap isu dan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk bertaraf peneroka bandar termasuklah golongan setinggan. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa melakukan sesi temu bual dan *engagement* dengan pihak-pihak pemegang taruh bagi mendapatkan maklumat serta mencari formula terbaik untuk membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit ini.
2. Antara inisiatif yang telah diambil oleh KPKT ialah dengan menawarkan penjualan rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada penduduk bertaraf peneroka bandar dan golongan setinggan. KPKT juga memperkenalkan Skim Sewa untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RtO) kepada pembeli yang tidak memenuhi kelayakan untuk pinjaman perumahan daripada pihak bank atau institusi kewangan.
3. Skim RTO mula diperkenalkan sejak tahun 2017 bermula di PPR Gua Musang, Kelantan (1,000 unit) dan telah diperluaskan ke projek-projek lain seperti PPR Taman Danau, Kg Hassan (300 unit), PPR Taman Siliau Jaya (150 unit), PPR Lembah Subang 2 (842 unit), PPR Sri Aman Kepong (190 unit), PPR Sentul Murni (500 unit) dan PPR Kota Bharu (1,000 unit).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 81

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasionalnya penjenamaan semula syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen sebagai Kredit Komuniti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penjenamaan semula Syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) kepada Kredit Komuniti yang telah dilancarkan pada 5 April 2019 bertujuan untuk memberi satu wadah baharu terhadap industri pemberi pinjam wang berlesen. Penjenamaan semula ini melibatkan perubahan-perubahan daripada segi nama, imej, etika perkhidmatan perniagaan dan juga proses untuk mendapatkan lesen perniagaan sebagai pemberi pinjam wang berlesen.
2. Usaha penjenamaan semula PPW kepada Kredit Komuniti adalah perlu untuk membezakan syarikat pemberi pinjaman wang berlesen dengan *Ah Long* (pemberi pinjam wang tidak berlesen) bagi memberi

perspektif positif yang lebih mesra dan dekat dengan masyarakat sekaligus dapat mengikis pandangan dan persepsi buruk yang sering mengaitkan PPW berlesen ini dengan pelbagai label negatif seperti lintah darat, *loan shark*, terlibat dengan aktiviti kongsi gelap, sindiket gelap dan sebagainya.

3. Penjenamaan ini adalah penting untuk membina semula keyakinan rakyat terhadap Kredit Komuniti berlesen yang tertakluk kepada kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Justeru, mana-mana Kredit Komuniti yang melanggar Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan Peraturan berkaitan, akan diambil tindakan sewajarnya melalui pengenaan kompaun dan denda mahkamah.

4. Sehubungan itu juga, penjenamaan ini turut mewujudkan keseragaman penggunaan logo baharu, papan tanda dan *QR code* dalam kalangan Kredit Komuniti. Orang ramai akan lebih mudah untuk mengenal pasti Kredit Komuniti yang berlesen dengan KPKT. Papan tanda ini akan diguna pakai oleh semua syarikat Kredit Komuniti baharu yang menerima lesen daripada KPKT. Manakala bagi syarikat Kredit Komuniti yang telah beroperasi, mereka diwajibkan untuk mengguna pakai papan tanda tersebut semasa pembaharuan lesen dibuat. Penggunaan papan tanda baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di samping penjenamaan semula syarikat PPW kepada Kredit Komuniti, nama baharu Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, KPKT yang bertanggungjawab mengawal selia industri Kredit Komuniti turut dijenamakan kepada Bahagian Kawalan Kredit Komuniti atau BKKK. Melalui penjenamaan semula Bahagian ini, beberapa pertambahan fungsi sedia ada turut dilakukan termasuklah memberi pendidikan dan kesedaran secara berterusan kepada pihak industri PPW dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) mengenai tadbir urus dan amalan terbaik (*best practices*) agar kadar pematuhan terhadap Akta 400 dan peraturan

berkaitan akan sentiasa dapat dipertingkatkan. Program-program promosi akan diperhebat melalui pelbagai platform media sosial seperti *facebook* dan *twitter* bagi meningkatkan lagi kesedaran orang awam terhadap fungsi dan peranan KPKT terutamanya BKKK ini kelak.

6. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, KPKT turut melancarkan i-KrediKOM. Aplikasi mobil ini akan memudahkan orang awam membuat carian syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di Semenanjung Malaysia selain memudahkan orang ramai membuat aduan. Aplikasi ini turut memberi penerangan secara informatif mengenai hak sebagai peminjam dan jenis-jenis kesalahan di bawah Akta 400 dan Peraturan-peraturan berkaitan.

7. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT telah melancarkan aplikasi i-Gadaian pada 19 Jun 2019 bagi memberikan kemudahan kepada orang awam dalam mengenal pasti pemegang pajak gadai (PPG) konvensional berlesen yang berdaftar dengan KPKT.

8. Aplikasi ini juga menyediakan saluran untuk orang awam membuat aduan dan semakan lokasi PPG serta turut memuatkan pelbagai informasi lain yang bermanfaat untuk makluman orang awam terutama kepada mereka yang berminat untuk menjalankan transaksi pajak gadai seperti Undang-undang yang berkaitan dengan PPG serta jenis-jenis kesalahan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] yang memberi perlindungan kepada hak seorang pemajak.

9. KPKT juga menjalankan penambahbaikan proses kerja secara berterusan terutamanya yang melibatkan prosedur pelesenan bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terus meningkat. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 82

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan semua hospital di seluruh negara termasuk Sarawak General Hospital, Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak mendapatkan "Fire Certificate" (FC) dan juga "removal of fire hazard (MBK) berikutan pendedahan Jabatan Bomba baru-baru ini di mana bangunan tersebut tidak mempunyai sijil tersebut yang boleh mendedahkan semua pesakit dan pekerja hospital kepada risiko kebakaran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan dari segi pengurusan dan juga pengoperasian di semua peringkat di hospital dan klinik kesihatan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memastikan semua fasiliti berkenaan memperolehi Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*) dan mematuhi Notis Menghapus Bahaya Kebakaran (MBK).

Mengikut data sedia ada, jumlah hospital di Negeri Sarawak adalah sebanyak 23 buah, daripada jumlah tersebut sebanyak 17 buah hospital tidak memerlukan Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*, FC) manakala 5 buah hospital masih tidak mempunyai FC termasuk Hospital Umum Sarawak dan Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak. Pada masa ini, KKM dan pihak hospital sedang dalam tindakan penambahbaikan susulan teguran JPBM semasa *Fire Safety Audit* dilaksanakan bagi memastikan fasiliti-fasiliti berkenaan memperolehi sijil FC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 83

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan data terbaharu penyakit kanser di Malaysia, dan bilakah Kerajaan Malaysia akan mengemaskinikan Daftar Kanser Kebangsaan (National Cancer Registration) yang telah dikeluarkan pada tahun 2011.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Data terbaharu penyakit kanser telah diterbitkan pada tahun 2016 seperti yang terkandung dalam Laporan Registri Kanser Kebangsaan dari 2007 hingga 2011.

Jabatan Registri Kanser Kebangsaan sedang dalam proses mengemaskini dan memuktamadkan Daftar Kanser Kebangsaan (*National Cancer Registration*). Laporan Registri Kanser Kebangsaan dari 2012 hingga 2016 dijangka akan diterbitkan pada akhir tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 84

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hutang bayaran sewa PPR setiap negeri dalam pecahan lot Bumiputera dan bukan bumiputera serta tindakan yang telah dan akan diambil atas tunggakan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Perumahan Rakyat (PPR) disediakan oleh Kerajaan kepada rakyat tanpa mengira status bumiputera atau bukan bumiputera.
2. Sehingga Jun 2019, sebanyak 92 projek PPR Disewa yang merangkumi 75,452 unit rumah telah siap dibina dengan kadar sewaan sebanyak RM124.00 (purata) sebulan. Tunggakan sewaan bagi unit PPR di seluruh negara adalah berjumlah RM54,173,375.35 dan antara faktor yang menyebabkan jumlah tunggakan sewaan yang tinggi adalah isu ketidakmampuan dan

kos sara hidup yang semakin meningkat terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

3. Justeru, antara tindakan berterusan yang telah dan yang akan diambil dalam menangani isu berkenaan adalah:
- (i) Mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak-pihak pemegang taruh seperti Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memantau serta mencari formula terbaik untuk meyelesaikan isu tunggakan ini;
 - (ii) Tindakan penghantaran notis tuntutan tunggakan kepada peserta PPR yang mempunyai tunggakan; dan
 - (iii) Sekiranya penghuni PPR ini masih gagal melunaskan tunggakan tanpa sebab-sebab yang munasabah, tindakan seperti pembatalan kontrak serta penarikan balik hak menghuni PPR boleh dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW
KAWASAN : TANJONG
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN CHOW KON YEOW minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai projek-projek yang diluluskan Pusat sejak Mei 2018 sehingga kini di Pulau Pinang berserta kos serta tempoh pelaksanaannya. Adakah Kerajaan bercadangewartakan semula Jalan-jalan Persekutuan di Pulau Pinang kepada jalan negeri bagi membolehkan penyelenggaraannya dilaksanakan menerusi peruntukan MARRIS. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah bagi penyelenggaraan jalanraya (MARRIS) di seluruh negara merupakan pemberian penyelenggaraan jalan negeri yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah penyelenggaraan jalan negeri ini diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri ini dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti pihak Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah iaitu agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **jumlah pemberian penyelenggaraan jalan negeri** ini akan diperuntukkan kepada setiap negeri **berdasarkan jumlah panjang jalan yang berdaftar** di dalam Sistem MARRIS Online. **Sistem tersebut diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan** berdasarkan garis panduan serta tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. **Peruntukan penyelenggaraan jalan negeri ini akan disalurkan secara terus oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri tanpa melalui Kementerian Kerja Raya.**

Berkaitan perkaraewartakan semula Jalan-Jalan Persekutuan kepada Jalan Negeri bagi membolehkan penyelenggaraan dilaksanakan menerusi peruntukan MARRIS, pihak Kerajaan negeri Pulau Pinang **perlu mengemukakan permohonan secara bertulis** kepada YB Menteri Kerja Raya bagi tujuan kelulusan. Kelulusan ini tertakluk kepada YB Menteri Kerja Raya untuk pembatalan pewartaan Jalan Persekutuan kepada Jalan Negeri mengikut prosedur untuk ewartakan semula Jalan Persekutuan kepada Jalan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 86

TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf klinik yang kebanyakannya dalam status uzur di kawasan P205 Saratok.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kawasan Saratok kini mempunyai enam (6) Klinik Kesihatan iaitu KK Nanga Atoi, KK Nyabor, KK Roban, KK Nanga Budu, KK Kabong dan KKIA Saratok. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk menambahbaik fasiliti kesihatan di seluruh negeri Sarawak termasuk di Kawasan P205 Saratok. Antara projek-projek penambahbaikan fasiliti kesihatan yang telah dijalankan di Kawasan Saratok dalam RMK-11 adalah seperti berikut:

1. Membina ruang tambahan klinik pergigian Klinik Kesihatan Kabong;
2. Kerja-kerja pembaikan Klinik Kesihatan Roban;
3. Pembaikan kuarters Klinik Kesihatan Ng Atoi;
4. Pembaikan dan naiktaraf sistem elektrik Klinik Kesihatan Nyabor; dan
5. Naiktaraf infrastruktur bagi pelaksanaan sistem farmasi di Klinik Kesihatan Nanga Atoi, Klinik Kesihatan Nanga Budu dan Klinik Kesihatan Nyabor.

KKM akan sentiasa memantau keadaan klinik-klinik sedia ada dan akan membina klinik baru atau menaiktaraf klinik sedia ada berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 87

DATUK HAJI HASANUDDIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi hospital swasta memandangkan perkhidmatan perubatan swasta adalah pelengkap kepada kemudahan kesihatan negara dalam keadaan ekonomi serantau dan dunia yang tidak menentu kini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Insentif adalah diberikan kepada syarikat yang menubuhkan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang baru atau mengusahakan projek pembesaran/ pemodenan / pembaharuan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang sedia ada bagi tujuan mempromosikan pelancongan Kesihatan. Untuk itu syarikat layak untuk memohon Pengecualian Cukai Pendapatan bersamaan dengan Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*, ITA) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Semasa memohon loji dan jentera, peralatan perubatan atau kemudahan lain yang digunakan bagi maksud projek yang layak perlu ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti yang telah diperuntukkan di bawah P.U.(A) 22, Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2012, Akta Cukai Pendapatan 1967 atau P.U.(A) 113 Perintah Cukai Pendapatan (No.12) 2006 Akta Cukai Pendapatan 1967. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 88

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membina Balai Bomba Kategori D atau E bagi Pekan Bekenu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengkaji keperluan pembinaan balai bomba di sesuatu kawasan berdasarkan tahap risiko kebakaran daripada kajian *Fire Cover* oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Oleh itu, pada masa ini tiada perancangan untuk membina Balai Bomba dan Penyelamat kategori D atau E di Kawasan Bekenu, Sarawak.

2. Pembinaan sesebuah balai bomba adalah berdasarkan kepada penilaian di dalam grid kawasan seluas 25 kilometer persegi (5km x 5km) terhadap beberapa kriteria seperti :
 - i. Kepadatan penduduk;
 - ii. Jumlah dan jenis industri;
 - iii. Jumlah dan jenis perniagaan serta perdagangan;
 - iv. Jumlah dan jenis perkhidmatan hotel; dan
 - v. Kewujudan bangunan-bangunan penting seperti bangunan kerajaan dan awam.
3. Setiap kriteria akan diberikan markah menggunakan pemberat mengikut risiko kriteria. Jumlah markah keseluruhan risiko di dalam grid akan menentukan skor risiko di satu-satu grid.
4. Lebih tinggi skor yang diperolehi maka lebih tinggi risiko pada grid tersebut. Selain itu, faktor penempatan balai bomba juga dipengaruhi oleh tempoh masa bertindak (*response time*) selepas menerima panggilan iaitu kurang daripada 10 minit untuk tiba di tempat kejadian.
5. Kawasan Bekenu pada masa ini mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba dan Penyelamat Miri, Sarawak sejauh 46 kilometer dengan tempoh masa 1 jam perjalanan ke kawasan tersebut. Khidmat kebombaannya di kawasan Bekenu turut dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela Pekan Sibuti, Bekenu dengan kekuatan 40 anggota. Pada masa yang sama, KPKT juga telah membekalkan sebuah kenderaan yang dilengkapi dengan pam angkut dan peralatan/kelengkapan bagi tujuan pemadaman kebakaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 89

Y.B. TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran dan sumber kuasa secara terperinci bagi Pulau Labuan :-

- (a) status "*Free Port*" (barangan dari luar boleh dibawa masuk dan disimpan di kawasan pulau tanpa pembayaran duti kastam); dan
- (b) status "*Free Trade Zone*" (menjalankan perdagangan tanpa perlu membayar cukai).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pulau Labuan telah diisytiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai (PBC) pada 1 September 1956 melalui Ordinan Kastam (Pindaan No. 2) 1956. Selaras dengan pengisytiharan tersebut, Pulau Labuan tidak terletak di bawah takrifan *free port* atau *free trade zone*. Secara umumnya PBC ditubuhkan sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan industri perdagangan dan pelancongan. Bagi mencapai tujuan tersebut, pelawat tempatan dan pelawat asing yang datang atau balik dari Pulau Labuan tidak kurang dari 24 jam adalah layak untuk menikmati pengecualian duti kastam di bawah Butiran 11, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017. Sebagai PBC, Pulau Labuan juga diberi kemudahan bebas cukai melalui peruntukan di bawah Akta-Akta seperti berikut:

- i. di bawah **Bahagian 18 (XVIII) Akta Kastam 1967**, Seksyen 155 memperjelaskan bahawa tiada duti import yang boleh kena dibayar ke atas apa-apa barang yang diimport ke Labuan selain daripada yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Seksyen 158 turut menyatakan bahawa barang-barang berduti hendaklah disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Labuan kecuali bagi barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri melalui satu perintah dan diwartakan;
- ii. di bawah **Bahagian 14 (XIV) Akta Eksais 1976**, Seksyen 90A menyatakan tiada duti eksais yang boleh kena dibayar ke atas apa-apa barang yang diimport ke Labuan selain daripada yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Seksyen 90D turut menyatakan bahawa barang-barang berduti hendaklah disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Labuan kecuali bagi barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri melalui satu perintah dan diwartakan;
- iii. di bawah **Bahagian 8 (VIII) Akta Cukai Jualan 2018**, Seksyen 50 menyatakan tiada cukai jualan boleh dilevikan atau kena dibayar ke atas

apa-apa barang bercukai:

1. yang diimport ke dalam kawasan ditetapkan atau diangkut ke kawasan ditetapkan dari Malaysia;
 2. yang diangkut antara Kawasan Ditetapkan; atau
 3. yang diangkut dari Kawasan Ditetapkan ke Kawasan Khas; dan
- iv. di bawah **Bahagian 8 (VIII) Akta Cukai Perkhidmatan 2018**, Seksyen 48 menyatakan tiada cukai perkhidmatan boleh dilevikan atau kena dibayar ke atas apa-apa perkhidmatan bercukai di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan dengan kawasan khas melainkan jika Menteri Kewangan menetapkan selainnya melalui satu perintah dan diwartakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 90

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kementerian bagi pembinaan Klinik Kesihatan Sungai Siput untuk mengurangkan kesesakan di hospital terutamanya bukan kes-kes kecemasan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin terhadap keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk Sungai Siput. Buat masa ini, Hospital Sungai Siput menyediakan perkhidmatan bagi kes-kes bukan kecemasan di Klinik Pesakit Luar, Hospital Sungai Siput. Bagi menangani masalah kesesakan kes-kes bukan kecemasan, perkhidmatan di klinik ini bukan sahaja dibuka pada waktu bekerja, tetapi turut dilanjutkan masa operasi sehingga jam 10 malam. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga turut menyediakan perkhidmatan Klinik Komuniti Sungai Siput yang telah mula beroperasi pada tahun 2014. KKM akan sentiasa memantau keperluan kesihatan penduduk dari semasa ke semasa dan akan mempertimbangkan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Sungai Siput di dalam RMK-12 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 91

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani cabaran kelemahan ekonomi Malaysia dan memulihkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Meskipun persekitaran ekonomi dan kewangan global semakin mencabar, ekonomi Malaysia masih kekal berdaya tahan dan kukuh dengan mencatat pertumbuhan 4.5% pada suku pertama 2019. Pertumbuhan ini dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta terutamanya aktiviti penggunaan yang meningkat 7.6% disokong oleh pasaran buruh yang stabil dan kadar inflasi yang kekal rendah. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan masing-masing terus menerajui pertumbuhan dengan berkembang 6.4% dan 4.2%.
2. Bank Negara Malaysia menjangkakan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada kadar antara 4.3% hingga 4.8% pada 2019 disokong oleh asas ekonomi yang kekal mampan termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh, kadar inflasi yang rendah, rizab antarabangsa yang kekal tinggi, dan sistem kewangan yang kukuh. Permintaan domestik adalah kukuh dan ini dapat dilihat daripada bilangan kenderaan yang dijual untuk tempoh Januari-Mei 2019 yang telah meningkatkan sebanyak 13% tahun-ke-tahun kepada 253,808 unit berbanding 225,134 unit dalam tempoh yang sama tahun lepas.
3. Malaysia juga dijangka berpeluang menerima limpahan manfaat berikutan lencongan perdagangan dan pelaburan daripada perang perdagangan ini. Sebagai contoh, pelaburan langsung asing atau *foreign direct investment* (FDI) yang diluluskan untuk semua sektor bagi suku pertama tahun 2019 telah meningkat 73.4% kepada RM29.3 bilion berbanding RM16.9 bilion setahun lalu. Pertumbuhan suku pertama ini dipacu oleh kenaikan FDI yang diluluskan dalam sektor pembuatan sebanyak 127% kepada RM20.2 bilion berbanding RM8.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas.
4. Walaupun negara berhadapan dengan cabaran sektor luaran yang

dijangka menyederhana sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan pada 2019, diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk akan menyumbang kepada pengembangan eksport yang berterusan. Pada masa sama, kadar pertukaran yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memperkukuh asas ekonomi negara dan memulihkan keyakinan pelabur. Langkah ini termasuk memperkukuh pengurusan fiskal dan mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan, menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik, meningkatkan perdagangan dan produktiviti, mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi, serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan.

6. Selain itu, Kerajaan terus berusaha memperkukuh daya saing negara di peringkat global dengan meningkatkan kemahiran pekerja untuk mencapai pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat global seperti dalam laporan *Ease of Doing Business 2019* oleh Bank Dunia yang mencatatkan peningkatan daya saing Malaysia ke kedudukan ke-15 daripada tempat ke-24 pada 2018.

7. Kerajaan terus memberi perhatian terhadap dasar mesra perniagaan dan keterbukaan perdagangan, sistem kewangan yang cekap dan urus tadbir korporat yang mantap, infrastruktur yang maju serta kesediaan pelbagai insentif cukai bagi menggalakkan aktiviti pelaburan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM
KAWASAN : SERIAN
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan Serian-Tebedu akan diperbesarkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Serian ke Tebedu, Sarawak yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan (FR 21). Berdasarkan semakan stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service*, LOS) berada pada tahap LOS A. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk dinaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik masih lancar serta mampu ditampung oleh jalan sedia ada. Justeru, jalan ini tidak tersenarai di dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak bagi permohonan yang dibuat di dalam Rolling Plan 4(2020), RMKe-11 yang lalu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia menerima cadangan projek tersebut dari pihak Kerajaan Negeri untuk diangkat dalam Rancangan Malaysia yang akan datang sekiranya LOS bagi jalan ini memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 93

Y.B. DATO' SRI NANCY SHUKRI [BATANG SADONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah orang yang telah memohon Bantuan Sara Hidup setakat ini dan berapa jumlah yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat. BSH 2019 akan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan untuk setiap orang anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada 4 orang, kecuali anak OKU yang tidak dihadkan umur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan yang diproses dan diverifikasi bagi BSH 2019 adalah sebanyak 4.6 juta merangkumi 0.6 juta permohonan baharu dan 4.0 juta permohonan kemas kini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak hampir 3.6 juta penerima BSH telah berjaya lulus melalui proses verifikasi yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang melibatkan anggaran peruntukan sebanyak RM1.42 bilion. Walau bagaimanapun, bilangan penerima BSH 2019 dijangka meningkat memandangkan proses rayuan akan dibuka mulai 1 Julai 2019 sehingga 15 Ogos 2019. Dengan adanya proses rayuan ini, sebahagian daripada yang tidak layak masih diberi ruang untuk mengemukakan rayuan berserta dokumen yang berkaitan untuk diverifikasi semula oleh LHDNM.

Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah penerima BSH, khususnya jika terdapat kesulitan dalam pemberian BSH 2019. Kerajaan juga akan sentiasa memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
[TAMBUN]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 94

Y.B.TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan hasil/kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam mengurangkan paras hutang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

- a. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara serta memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan
- b. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;
- c. Pinjaman Kerajaan ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
- d. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah; dan
- e. Bagi menambah baik tadbir urus pengurusan hutang negara, Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Pejabat Pengurusan Hutang telah ditubuhkan pada 15 Mei 2019 yang bertanggungjawab untuk mengurangkan hutang kepada paras yang lebih terurus serta memastikan kemapanan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah berjaya mengurangkan hutang

NO SOALAN : 94

dan liabilitinya berbanding keluaran dalam negara kasar (KDNK). Pada tahun 2018, hutang dan liabiliti kerajaan telah turun kira-kira 4 mata peratusan ke 75% berbanding KDNK daripada 79% pada tahun 2017. Jumlah hutang dan liabiliti ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 95

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana kontena sampah sama ada plastik atau bukan plastik yang kini akan dihantar kembali ke negara asal sampai di Malaysia dan apakah tindakan proaktif Kementerian untuk sampah tidak dibawa masuk di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kemasukan kontena berisi skrap plastik yang kotor ke negara ini adalah berkemungkinan berpunca daripada kesalahan membuat pengisytiharan palsu dagangan (*false declaration*) di mana pengimport telah membawa masuk skrap plastik menggunakan HS Code dagangan selain 39.15 bagi mengelak daripada memohon (*Approved Permit – AP*). Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2015 telah meletakkan sisa plastik dengan *HS Code* 39.15 dalam Bahagian I, Jadual Kedua di mana semua pengimportan sisa plastik ke Malaysia adalah dilarang kecuali mendapat AP daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) termasuklah pergerakan dagangan dari Zon Perindustrian Bebas (*Free Industrial Zone*).

2. Tindakan proaktif yang telah diambil oleh KPKT dalam menangani kemasukan sisa plastik kotor yang boleh menjejaskan alam sekitar adalah seperti berikut:

- (i) Memperluaskan pelaksanaan program pengasingan sisa pepejal di punca bagi sektor isi rumah yang telah bermula pada 1 September 2015 kepada sektor industri, komersial dan institusi (ICI) secara mandatori berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019 bagi memastikan sisa plastik tempatan diuruskan dengan sistematik dan teratur bagi tujuan kitar semula;
- (ii) Mengoptimumkan penggunaan sumber skrap plastik tempatan bagi memberi nilai komersial terhadap skrap plastik tersebut seterusnya dapat menyokong pelaksanaan ekonomi kitaran (*circular economy*); dan

- (iii) Meneliti cadangan untuk memperkenalkan *bank guarantee* bagi menanggung kos-kos yang terlibat untuk menguruskan sisa plastik import termasuk menghantar semula dagangan ke negara asal sekiranya terdapat pemegang AP yang gagal mematuhi syarat dan peraturan Kementerian.

3. Bagi strategi jangka masa panjang, Kementerian akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pembangunan *waste park* secara berpusat bagi menempatkan semua kilang yang memproses skrap plastik import tersebut dalam satu zon perindustrian bagi memudahkan kawalan, pemantauan dan penyediaan infrastruktur selaras dengan dasar Kerajaan yang hanya membenarkan pengimportan skrap plastik yang bernilai tinggi, *homogeneous* dan bersih dari sumber industri. Pembangunan *waste park* ini secara tidak langsung dapat membanteras pewujudan kilang-kilang memproses skrap plastik import yang beroperasi secara haram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 15 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 96

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyakkah syarikat kitar semula plastik yang terdapat di negara ini dan berapa yang dimiliki oleh negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 2012 hingga bulan Jun 2019, sebanyak 455 premis kitar semula telah berdaftar secara sukarela (voluntary) dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Berdasarkan rekod KPKT, kesemua premis tersebut dimiliki oleh warga tempatan. Premis-premis tersebut melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- i. penstoran, pemadatan dan pengasingan bahan kitar semula;
- ii. penstoran dan pemprosesan besi lusuh;
- iii. penstoran sisa pepejal lebihan/campuran;
- iv. pemprosesan bahan bukan kitar semula; dan
- v. pra-rawatan bahan kitar semula menjadi bahan mentah.

Sisa pepejal yang dipungut oleh premis tersebut adalah merangkumi semua jenis bahan kitar semula dan tidak spesifik kepada sisa plastik sahaja.

2. Selain itu, terdapat 62 syarikat pemprosesan skrap (*scrap*) plastik yang telah mendapat Lesen Import (*approved permit* – AP) daripada KPKT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 97

Y.B. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah purata pendapatan artis-artis tempatan pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan golongan artis tempatan adalah tidak tetap serta dibayar mengikut spesifikasi jadual tertentu dan bergantung kepada jumlah projek atau persembahan berdasarkan kepada kehendak pasaran semasa.

Selain itu, maklumat pembayar cukai pendapatan individu mengikut industri atau jenis pekerjaan sepertimana yang dipohon tidak dapat dibekalkan. Dimaklumkan bahawa Borang Nyata Cukai Pendapatan yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia tidak mempunyai butiran industri atau jenis pekerjaan. Langkah ini selaras dengan prinsip kesaksamaan (*equitable*) yang dipakai dalam mengenakan cukai pendapatan kepada setiap individu tanpa mengambilkira perbezaan jenis pekerjaan dan sebagainya. Sebaliknya, asas yang penting adalah individu berkenaan memperoleh pendapatan daripada Malaysia sama ada pendapatan penggajian, perniagaan atau lain-lain punca seperti pendapatan dividen, sewa dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 98

Y.B. DATO' DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Northern Corridor Implementation (NCIA) dalam meningkatkan ekonomi rakyat luar bandar seperti di Parlimen Bagan Serai dan apakah perkembangan Estate Management Model (EMM) yang dijangkakan mampu meningkatkan hasil padi ke 6 atau 8mt/hektar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah merangka dan melaksanakan beberapa program yang memberi manfaat kepada semua warga Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) Ini termasuklah inisiatif Model Pengurusan Estet (*Estate Management Model* atau dikenali sebagai EMM) untuk penanaman padi; Program Empower@NCER; Entrepreneur@NCER dan NCER Talent Enhancement Program.

Khusus bagi menangani kemiskinan golongan pesawah, NCIA telah memperkenalkan Program EMM 1.0 yang menggunakan kaedah Model Pengurusan Estet. Program EMM 1.0 yang dimulakan pada tahun 2014, telah melibatkan 2492 peserta di kawasan seluas 4,063 hektar di Kerpan, Asun dan Kuala Muda Selatan di Kedah; Seberang Perai Utara di Pulau Pinang; serta Kerian di Perak. Melalui Program EMM ini, pengeluaran padi telah mencapai hasil di antara 6 hingga 7 tan metrik/hektar.

Bagi Parlimen Bagan Serai, Program EMM 1.0 telah pun dimulakan pada bulan Mei 2019 di daerah Kerian yang meliputi kawasan Gunung Semanggol, Selinsing serta Tanjung Piandang. Usaha yang dilaksanakan oleh NCIA di daerah Kerian ini melibatkan seramai 888 orang peserta dengan kawasan yang berkeluasan 1,302 hektar.

Selari dengan usaha Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk meningkatkan pendapatan golongan petani, NCIA komited untuk membuat penambahbaikan berterusan ke atas program EMM dengan memperkenalkan aplikasi teknologi Revolusi Industri 4.0 dan tanaman kontan bagi meningkatkan produktiviti serta menjana pendapatan tambahan pesawah-pesawah dalam wilayah NCER.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 99

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi membuat pembayaran royalti kepada negeri Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak serta jumlah terkini pembayaran royalti sejak Mei 2018 sehingga kini mengikut negeri dan jaminan perbelanjaan telus dan berhemah untuk kepentingan rakyat terutama yang miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sejak bulan Mei 2018 sehingga kini, PETRONAS telah membuat Bayaran Tunai bagi pengeluaran petroleum terus kepada Akaun Hasil negeri Sarawak dan Sabah masing-masing sebanyak RM1.94 bilion dan RM1.73 bilion bagi membiayai keperluan perbelanjaan yang ditentukan oleh kerajaan negeri.

Bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada mana-mana negeri termasuk negeri Kelantan dan Terengganu oleh kerana kesemua lokasi medan petroleum berada melebihi tiga batu nautika di luar perairan negeri-negeri.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan membuat bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri Kelantan dan Terengganu bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri-negeri tersebut memandangkan lokasi medan petroleum berdekatan dengan perairan negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 100

Y.B. TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini pembayaran royalti petroleum untuk negeri Kelantan dan apakah masalah yang masih membelenggu menyebabkan pembayaran tersebut masih belum dijelaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada mana-mana negeri termasuk negeri Kelantan oleh kerana kesemua lokasi medan petroleum berada melebihi tiga batu nautika di luar perairan negeri-negeri.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan membuat bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri Kelantan bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri tersebut memandangkan lokasi medan petroleum berdekatan dengan perairan negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING
[LANANG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 101

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah subsidi yang masih diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat untuk meringankan beban rakyat dan senaraikan jumlah subsidi bagi setiap bahan yang diberikan subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan langkah merasionalisasi subsidi di bawah inisiatif mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi tidak kritikal secara berperingkat, Kerajaan amat komited dalam pelaksanaan subsidi/insentif/bantuan secara bersasar agar setiap peruntukan yang disalurkan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan serta mengurangkan ketirisan yang berlaku untuk membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Bagi tahun 2019, secara keseluruhannya, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM22.27 bilion bagi membiayai kos pemberian termasuk subsidi, insentif dan bantuan merangkumi pelbagai sektor seperti perincian berikut:

Subsidi/Insentif/Bantuan	Peruntukan 2019 (RM 'juta)
Subsidi/Insentif/Bantuan Pertanian	1,427.82
Subsidi dan Insentif Kepenggunaan	4,881.32
Subsidi/Bantuan Sektor Pengangkutan	969.20
Bantuan Sektor Keselamatan	132.10
Bantuan Komuniti dan Keagamaan	832.34
Bantuan Kebajikan Masyarakat	7,028.06
Bantuan Sektor Kesihatan	72.20
Bantuan Pendidikan	2,671.53
Biasiswa/Pinjaman Pelajaran	1,769.53
Bantuan Faedah Pinjaman	2,373.08
Pemberian Elaun dan lain-lain bantuan	112.38
Jumlah Peruntukan	22,269.56

Walau bagaimanapun, atas keprihatinan untuk membantu meringankan

kesulitan kewangan dan beban rakyat, Kerajaan telah mengumumkan beberapa penambahbaikan bagi pemberian subsidi/insentif/bantuan antaranya:

- i. Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM100 kepada individu bujang;
- ii. Bayaran Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (Baucar Buku) bernilai RM100 seorang;
- iii. Penambahbaikan kadar Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dari RM2.20/kg kepada RM2.50/kg;
- iv. Penambahbaikan kadar Subsidi Harga Padi dari RM300/tan metrik kepada RM360/tan metrik;
- v. Bantuan Musim Tengkujuh Pekebun Kecil Getah;
- vi. Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit;
- vii. Pengekalan Harga Petrol RON95 dan Diesel; dan
- viii. Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB)

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB USTAZ TARMIZI BIN SULAIMAN
KAWASAN : SIK
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB USTAZ TARMIZI BIN SULAIMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian Kerja Raya untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di lebuh raya dan jalan raya yang semakin teruk sejak kebelakangan ini terutamanya apabila musim perayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan prihatin tentang masalah kesesakan lalulintas terutamanya di musim-musim perayaan. Kesesakan ini adalah disebabkan oleh bilangan trafik yang luar biasa. Pelbagai tindakan proaktif telah dibuat bagi mengurangkan masalah kesesakan ini yang terdiri daripada tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang. Tindakan jangka pendek antara lainnya adalah dengan penghebahan jalan-jalan alternatif. Selain dari itu, Kerajaan sentiasa akan mengeluarkan arahan pemberhentian kerja penyenggaraan dan pembinaan dalam rizab Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri serta mengalihkan semua jentera/peralatan jauh dari bahu jalan di musim-musim perayaan.

Bagi memastikan kelancaran trafik, Kerajaan melalui JKR Daerah akan membuat penyelarasan di daerah masing-masing bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastikan pengurusan lalu lintas yang cekap semasa musim perayaan.

Pihak Kerajaan juga telah menyarankan supaya pihak pengguna lebuh raya/jalan raya memulakan perjalanan ke kampung secara berperingkat (*staggered departures*).

Manakala bagi penyelesaian jangka panjang, Kerajaan sentiasa mengenalpasti jalan-jalan yang perlu dinaiktaraf disebabkan oleh kesesakan. Untuk makluman Ahli yang terhormat, dalam RMK-11 sahaja sehingga kini, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 68 projek yang terdiri daripada projek menaiktaraf jalan sedia ada dan juga projek pembinaan jalan baru yang melibatkan peruntukan sebanyak RM18.32 bilion.

Sementara itu, bagi masalah kesesakan di lebuh raya pula, kementerian ini telah memperkenalkan penggunaan "*intelligent transport system*" (ITS), contohnya penggunaan RFID bagi pembayaran tol. Sebagai langkah jangka

panjang pula, Kerajaan bercadang untuk menggunakan sistem “*multi lane free flow*” (MLFF) di mana pengguna tidak lagi perlu berhenti atau memperlahankan kenderaan mereka apabila tiba di sesebuah tol plaza dan dengan ini kesesakan teruk di plaza tol akan dapat dihapuskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 103

DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini mengenai projek gas pipeline Kimanis ke Sandakan. Bilakah projek tersebut dijangka akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, syarikat Suria Strategic Energy Resources Sdn Bhd (SSER) telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan Projek Trans-Sabah Gas Pipeline (TSGP). Namun demikian, berikutan skandal kewangan yang dihadapi oleh syarikat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 September 2018 telah memutuskan projek TSGP dibatalkan dan Notis Pembatalan telah dikeluarkan kepada kontraktor yang terlibat iaitu China Petroleum Pipeline Bureau (CPPB) dan Huanqiu Project Management (Beijing) Co. Ltd. (HPM) pada 6 September 2018.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 11 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kedudukan rasmi Malaysia ke atas Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara ASEAN dan China serta adakah terdapat apa-apa perubahan pendirian Kerajaan terhadap CoC tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak–pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)*** pada 4 November 2002.

3. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha–usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman. Malaysia kekal komited dalam memastikan pelaksanaan *DOC* sepenuhnya secara keseluruhan dan berkesan.

4. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China juga sedang merundingkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***. Sejak rundingan substantif bagi *Single Draft COC Negotiating Text* (SDNT) dimulakan pada tahun lepas, sehingga kini lima (5) pusingan rundingan telah diadakan. Negara-negara ASEAN dan China berusaha untuk menyelesaikan *first reading* bagi SDNT tersebut pada tahun ini, 2019.

5. Malaysia terus komited dan memainkan peranan aktif dalam rundingan COC bagi merealisasikan pengwujudan COC yang efektif seawal mungkin, namun berperanan sebagai “rules-based framework” yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang berkaitan dalam melaksanakan apa jua aktiviti di Laut China Selatan. Walau bagaimanapun COC ini bukanlah satu penyelesaian kepada tuntutan bertindih kedaulatan negara.

6. Malaysia turut berpendirian bahawa dokumen COC yang efektif perlu merangkumi elemen-elemen yang mengambilkira kepentingan dan hak semua pihak terutamanya dalam memastikan kedaulatan negara tidak tergadai.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
KAWASAN : KOTA TINGGI
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah tarikh muktamad yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan untuk melaksanakan sepenuhnya sistem Teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) di kesemua plaza tol seluruh negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sepertimana umum sedia maklum, pada masa ini, Program Rintis (*Pilot Program*) Lorong RFID untuk sistem kutipan tol telah pun dilaksanakan di lebuh raya sistem tol terbuka sekitar Lembah Kelang, utara dan selatan. RFID ini merupakan sistem transaksi pembayaran tol baharu yang lebih maju berbanding sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) sedia ada yang menggunakan *Contactless Smart Card* (CSC) dan Smart Tag. Sebanyak dua puluh tiga (23) lebuh raya yang merangkumi 167 lorong RFID telah tersedia untuk Program Rintis ini. Bilangan kenderaan yang telah menyertai Program Rintis Lorong RFID pada masa ini adalah sekitar 300 ribu kenderaan.

Program Rintis Lorong RFID adalah merupakan fasa percubaan bagi menguji keberkesanan sistem kutipan tol RFID dan juga bagi memperbaiki sebarang kelemahan atau isu yang ada sebelum pelaksanaan sistem kutipan tol RFID dilancarkan secara rasmi (*roll out*) kepada semua pengguna.

Mengikut Jadual Pelaksanaan, sistem lorong RFID akan dilancarkan secara rasmi (*roll out*) kepada semua pengguna lebuh raya apabila kesemua isu-isu berkaitan kesediaan sistem telah diselesaikan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, ia akan hanya dilaksanakan untuk kenderaan ringan sahaja terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 106

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berkenaan kemasukan warga asing untuk sektor pekerjaan valet parking yang kian dikuasai warga asing dengan mengambil alih kontrak berkenaan dan menjana pendapatan yang lumayan. Mengapakah Kementerian tidak boleh melatih belia kita (warganegara kita) untuk sektor berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ada melesenkan aktiviti perkhidmatan valet parking sama ada di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian atau Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian di PBT. Perkhidmatan ini perlu memenuhi syarat di mana pemilik tidak menggunakan parkir awam dan perlu mempunyai kiosk atau *booth* dengan pekerja beruniform. Urusan pengambilan dan latihan kepada pekerja dalam perkhidmatan valet parking adalah di bawah tanggungjawab operator perkhidmatan tersebut.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS), Tahap 3 berkaitan Operasi dan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta (*Car Park Operation and Services*) yang menetapkan standard kepada latihan kemahiran berkaitan pekerjaan tersebut. Walau bagaimanapun, setakat ini, tiada pusat latihan yang melaksanakan latihan dalam bidang tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 107

Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran wang tunai petroleum dari Kerajaan Persekutuan yang telah diterima Kerajaan Negeri Terengganu dari Januari hingga Jun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, bagi pengeluaran petroleum di Semenanjung Malaysia, tiada Bayaran Tunai dibuat oleh PETRONAS kepada mana-mana negeri termasuk negeri Terengganu oleh kerana kesemua lokasi medan petroleum berada melebihi tiga batu nautika di luar perairan negeri-negeri.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan membuat bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri Terengganu bagi melaksanakan projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri tersebut memandangkan lokasi medan petroleum berdekatan dengan perairan negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 108

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian untuk membeli ubat-ubatan secara pukal (*bulk buying*) untuk kurangkan harga ubat-ubatan. Apakah status perbincangan di antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan dalam hal ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) bagi perolehan secara bersama (*pool procurement*) ubat-ubatan selaras dengan kelulusan khas Kementerian Kewangan (MOF).

Bagi tujuan ini, perolehan *pool procurement* sedang dalam pelaksanaan secara berperingkat dan akan mula diiklankan pada bulan Julai 2019. Perolehan *pool procurement* yang melibatkan 85 item ubat ini dijangka dapat menjimatkan peruntukan Kerajaan sebanyak RM13 juta setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 109

Y.B. PUAN MARIA CHIN BIN ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cadangan untuk meningkatkan cukai ke atas golongan berpendapatan paling tinggi serta memperkenalkan had nisbah gaji majikan dan pekerja supaya matlamat kemakmuran bersama (“shared prosperity”) dapat dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem cukai pendapatan individu di Malaysia menggunakan kadar cukai progresif dari 1% hingga 28% di mana kadar cukai semakin meningkat apabila pendapatan bercukai turut meningkat. Pada masa ini, golongan yang mempunyai pendapatan bercukai melebihi RM1 juta telahpun dikenakan cukai pada kadar tertinggi iaitu 28% berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2016 berbanding 25% bagi tempoh sebelumnya.

Untuk makluman, kadar cukai pendapatan individu di Malaysia adalah antara yang ke 5 tertinggi di kalangan negara Asean. Oleh itu, sebarang cadangan kenaikan cukai kepada golongan berpendapatan tinggi harus diteliti dan dikaji secara mendalam berdasarkan kesesuaian persekitaran sosio-ekonomi semasa bagi memastikan negara mengekalkan daya saing di peringkat global.

Manakala bagi memperkenalkan had nisbah gaji majikan dan pekerja supaya matlamat kemakmuran bersama (*shared prosperity*) dapat dicapai, pada masa ini Kerajaan telahpun melaksanakan inisiatif dasar gaji minimum RM1,100 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019. Dasar ini bertujuan menetapkan gaji lantai (*floor wages*) bagi semua pekerja sektor swasta di seluruh Malaysia. Cadangan untuk memperkenalkan had nisbah gaji majikan dan pekerja perlu dikaji sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 110

Y.B. DATO' SRI NANCY SHUKRI [BATANG SADONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Artikel 112D Perlembagaan Persekutuan mengenai semakan kajian semula pemberian kewangan khas dan penyerahan hasil kepada negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Persekutuan akan sentiasa cuba memenuhi tuntutan dan hak Kerajaan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, ia tertakluk kepada kemampuan dan kedudukan hasil Kerajaan. Perkara ini juga telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau mempengerusikan Majlis Kewangan Negara pada 7 Jun 2018.

Untuk itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pelaksanaan hak dan tanggungjawab kepada Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa telah memulakan rundingan pada bulan Disember 2018 dan dijangka melengkapkan Laporan Akhir pada bulan Julai 2019. Skop kajian dan semakan ke atas isu-isu yang dibangkitkan termasuklah isu kewangan yang mana Kerajaan Persekutuan perlu meneliti dengan lebih terperinci isu-isu yang dibangkitkan dengan mengambil kira kemampuan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, Jawatankuasa ini akan memberi keutamaan kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan bagi memastikan semua pihak mendapat keadilan seperti yang diperuntukkan di sisi undang-undang negara demi menegakkan kedaulatan undang-undang atau “rule of law” di negara kita. Isu ketidakseimbangan pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berbanding negeri Sabah dan Sarawak akan dapat diberikan penekanan yang lebih serius.